



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

eISSN 2716-6813



9 772716 681002

SOROTAN STATISTIK

EKONOMI MALAYSIA

SIRI 8 | 2023



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 8 | 2023

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / Twitter / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
Emel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 30 Ogos 2023.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	SOROTAN PENTING	
06	INDIKATOR EKONOMI UTAMA	
08	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
13	RENCANA	
23	SNAPSHOT	37
24	PERTANIAN	44
30	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	50
33	PERKHIDMATAN	55
		58
		72
		73
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

TINTA KETUA PERANGKAWAN

Saya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) amat berbesar hati mengalu-alukan anda ke Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) edisi kelapan bagi tahun 2023. Jabatan amat berterima kasih kepada pembaca setia yang sentiasa menyokong dan mengikuti laporan kami. Tumpuan utama Siri 8/2023 adalah mengetengahkan statistik terkini yang dikeluarkan pada Jun 2023 yang selari dengan statistik suku tahun kedua, serta statistik terpilih untuk Julai 2023. Selain itu, siri ini dilengkapi dengan artikel bertajuk **"Guna Tenaga dan Jantina: Mengkaji Purata Pendapatan Per Jam Bekerja dan Jurang Upah"**, yang bertujuan untuk menganalisis ketidaksamaan upah antara jantina; jurang upah jantina mengikut pencapaian pendidikan, kemahiran dan sektor di Malaysia.

Pertengahan tahun 2023, ekonomi global masih bergelut dengan senario luar biasa seperti inflasi teras yang berterusan, kadar faedah yang menaik dan ketidakpastian yang meningkat. Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan Julai 2023, kadar pertumbuhan purata tahunan global diramalkan menyederhana daripada 3.5 peratus pada 2022 kepada 3.0 peratus pada 2023 dan 2024. Begitu juga, unjuran pertumbuhan ekonomi pada 2023 dan 2024 berbeza-beza merentasi negara dan rantau. Kadar pertumbuhan di United States dijangka menyederhana daripada 2.1 peratus pada 2022 kepada 1.8 peratus pada 2023 dan seterusnya kepada 1.0 peratus pada 2024. Begitu juga, pertumbuhan ekonomi United Kingdom dijangka lebih rendah daripada 4.1 peratus pada 2022 kepada 0.4 peratus pada 2023. Namun begitu, pertumbuhan berkenaan dijangka akan memulih kepada 1.0 peratus pada 2024, mencerminkan pelarasan kepada positif 0.7 mata peratus untuk 2023. Sementara itu, unjuran ekonomi China kekal stabil sebanyak 5.2 peratus pada 2023 dan 4.5 peratus pada 2024. Pertumbuhan penggunaan adalah sejajar dengan jangkaan Prospek Ekonomi Dunia (WEO) April 2023, tetapi pelaburan adalah lebih rendah disebabkan oleh penurunan hartanah yang berterusan di negara berkenaan. Pada masa yang sama, ramalan ekonomi Singapore pada tahun 2023 juga diselaraskan semula iaitu menurun di antara julat 0.5 peratus hingga 1.5 peratus daripada unjuran awal 0.5 peratus hingga 2.5 peratus. Prestasi ekonomi Singapore semasa iaitu pada suku kedua 2023, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat sebanyak 0.5 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus pada suku pertama.

Prestasi suku tahunan, Malaysia mengalami perkembangan ekonomi yang kurang memberangsangkan dalam tempoh hampir dua tahun pada suku kedua tahun ini. Ini dipengaruhi terutamanya oleh faktor luaran seperti penurunan eksport dan kelembapan ekonomi global. KDNK Malaysia pada suku kedua 2023 menyederhana kepada 2.9 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku sebelumnya. Prestasi ekonomi sebanyak 2.9 peratus didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan 4.7 peratus dan Pembinaan 6.2 peratus.

Imbangan Akaun Semasa Malaysia terus mengekalkan lebih sebanyak RM9.1 bilion pada suku kedua 2023 berbanding RM2.9 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Lebih pada suku berkenaan disokong oleh eksport bersih barangan. Dari segi pelaburan, Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.1 bilion berbanding RM18.0 bilion bagi suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM8.0 bilion pada ST2 2023 berbanding RM14.4 bilion (ST2 2022).

Mengenai sektor luaran, jumlah perdagangan barangan Malaysia menurun 11.3 peratus tahun ke tahun kepada RM643.2 bilion pada suku kedua 2023. Eksport merosot 11.1 peratus kepada RM348.7 bilion, manakala import susut 11.5 peratus kepada RM294.5 bilion, menyebabkan lebih dagangan turun 8.8 peratus kepada RM54.1 bilion. Pada Julai 2023, perdagangan luar terus menyusut, dengan jumlah dagangan sebanyak RM216.4 bilion, berbanding RM252.8 bilion pada Julai tahun lalu. Nilai eksport dicatatkan pada RM116.8 bilion, manakala import adalah RM99.7 bilion dengan lebih dagangan RM17.1 bilion.

Dari segi harga, Malaysia menyaksikan inflasi mereda mencecah 2.4 peratus pada Jun 2023. Namun begitu, inflasi pada suku kedua 2023 meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 130.2 berbanding 126.6 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Dalam pada itu, Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) terus menyusut pada asas tahunan sebanyak 4.8 peratus pada Jun 2023 berbanding penurunan 4.6 peratus pada bulan sebelumnya. Pada suku kedua 2023, IHPR bagi Pengeluaran Tempatan merosot sebanyak 4.1 peratus (berbanding ST1 2023: -0.8%), terutamanya dipengaruhi oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (-24.6%), Perlombongan (-10.8%) dan Pembuatan (-1.0%).

Dari segi pasaran buruh, pada suku kedua 2023, tenaga buruh Malaysia meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun, berjumlah 16.73 juta orang. Ini seterusnya menghasilkan peningkatan 0.8 mata peratusan dalam kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), mencapai 70.0 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8 peratus kepada 16.15 juta orang pada suku tersebut, dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk mencapai 67.5 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur berkurangan sebanyak 9.5 peratus kepada 581.4 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 3.5 peratus.

Kesan daripada situasi ini, Indeks Pelopor (IP) menyusut 2.1 peratus pada Jun 2023 dengan mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya. Begitu juga, perubahan bulanan IP susut 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.7 peratus pada Mei 2023. Ini menunjukkan prospek ekonomi jangka pendek Malaysia berkemungkinan menyederhana, namun menjangkakan bahawa langkah-langkah dasar ekonomi akan mengimbangi cabaran dalam ekonomi.

Selain itu, DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Bagi menghayati kepentingan statistik, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStatsDay) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema MyStats Day ialah *“Connecting the World with Data We Can Trust”* yang menekankan kepentingan kepercayaan, data yang berwibawa, inovasi dan manfaat sejagat dalam sistem statistik negara.

..

Terima kasih.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ogos 2023

SOROTAN PENTING


- Momentum pemulihan global daripada pandemik COVID-19 dan pencerobohan Russia ke atas Ukraine yang semakin perlahan diburukkan lagi oleh jurang perbezaan yang semakin melebar dalam kalangan sektor dan wilayah ekonomi, dengan peningkatan inflasi secara berterusan mengurangkan kuasa beli isi rumah. Menurut laporan oleh International Monetary Fund (IMF) pada Julai 2023, kadar pertumbuhan global dijangka menurun, dengan purata tahunan beralih daripada 3.5 peratus pada 2022 kepada 3.0 peratus pada kedua-dua tahun 2023 dan 2024. Sementara inflasi utama global dijangka menurun daripada 8.7 peratus pada 2022 kepada 6.8 peratus pada 2023 dan 5.2 peratus pada 2024.
- Di United States of America, kadar pertumbuhan ekonomi dijangka menyederhana daripada 2.1 peratus pada 2022 kepada 1.8 peratus pada 2023 dan seterusnya kepada 1.0 peratus pada 2024. Peningkatan unjuran pertumbuhan pada 2023 disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh pada suku tahun pertama 2023. Begitu juga, pertumbuhan ekonomi United Kingdom dijangka lebih perlahan daripada 4.1 peratus pada 2022 kepada 0.4 peratus pada 2023 dan meningkat semula kepada 1.0 peratus pada 2024. Sementara itu, unjuran ekonomi China kekal konsisten, meramalkan kadar pertumbuhan 5.2 peratus pada 2023 dan 4.5 peratus pada 2024.
- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia menyederhana kepada 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023 daripada 5.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, dengan pelarasan musim suku tahun ke suku tahun mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus berbanding 0.9 peratus pada suku tahun pertama 2023.
- Perangkaan pertanian terkini menunjukkan penurunan 3.9 peratus pengeluaran getah asli, menyusut daripada 31,083 tan metrik pada tahun sebelumnya kepada 29,867 tan metrik pada Jun 2023; bagaimanapun, perbandingan secara bulanan menunjukkan peningkatan 23.8 peratus berbanding Mei 2023 (24,126 tan metrik). Pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit bagi Julai 2023 meningkat 4.2 peratus, berjumlah 8,350,319 tan metrik, berbanding Julai 2022 (8,015,968 tan metrik) dan meningkat 12.3 peratus berbanding Jun 2023 (7,435,995 tan metrik).
- Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia kembali menyusut kepada 2.2 peratus tahun ke tahun selepas menunjukkan pertumbuhan positif 4.8 peratus pada Mei 2023. Penurunan pada Jun 2023 disumbangkan oleh penguncupan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan, masing-masing dengan negatif 1.6 peratus (Mei 2023: 5.1%) dan negatif 6.4 peratus (Mei 2023: 2.9%). Selain itu, output sektor Elektrik menyederhana kepada 2.8 peratus, berbanding 5.9 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pada suku tahun kedua 2023, IPP mencatatkan penurunan marginal 0.3 peratus berbanding pertumbuhan 2.9 peratus yang dicatatkan pada suku tahun pertama 2023.
- Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Jun 2023 berjumlah RM147.4 bilion, mencatatkan penurunan 4.0 peratus berbanding pertumbuhan positif 3.3 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau, yang menyusut 14.6 peratus. Selain itu, penguncupan juga dipengaruhi oleh subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik (-12.4%) serta Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-1.1%). Pada suku tahun kedua 2023, sektor Pembuatan mengalami penurunan pertama sejak suku tahun kedua 2020 (-16.5%), turun 1.0 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya.
- Pada suku tahun kedua 2023, hasil yang dijana oleh sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus tahun ke tahun, kepada RM568.3 bilion. Pada masa yang sama, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.0 peratus kepada 143.1 mata pada suku tahun tersebut. Hasil keseluruhan sektor Perkhidmatan berkembang 1.4 peratus berbanding pertumbuhan tahunan pada suku pertama 2023. Pengembangan ini didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, dengan peningkatan 1.2 peratus. Begitu juga segmen Maklumat & Komunikasi, Pengangkutan & Penyimpanan dan Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan, masing-masing mencatatkan pertumbuhan 2.1 peratus dan 1.7 peratus. Sebaliknya, Indeks Volum bagi sektor Perkhidmatan mengalami penurunan kecil 0.6 peratus jika dibandingkan dengan suku tahun sebelumnya.

- Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia terus mereda pada Jun kepada 2.4 peratus, kadar terendah yang dicatatkan dalam tempoh enam bulan pertama 2023. Kadar inflasi untuk Restoran & Hotel berada pada 5.4 peratus (Mei 2023: 6.7%), Makanan & Minuman Bukan Alkohol menunjukkan kadar 4.7 peratus (Mei 2023: 5.9%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah mencatatkan kadar inflasi 2.3 peratus (Mei 2023: 2.7%). IHP bagi suku tahun kedua 2023 meningkat 2.8 peratus kepada 130.2 berbanding 126.6 pada suku yang sama tahun sebelumnya manakala inflasi Malaysia pada Julai 2023 mereda kepada 2.0 peratus.
- Dalam pada itu, prestasi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia pada asas tahunan terus menurun kepada 4.8 peratus pada Jun 2023 berbanding penurunan 4.6 peratus pada bulan sebelumnya. Kebanyakan sektor indeks menunjukkan arah aliran menurun, seperti Pertanian, Perhutanan & Perikanan (-20.4%), Perlombongan (-16.6%) dan Pembuatan (-1.8%), kecuali indeks Bekalan Air dan Bekalan Elektrik & Gas yang meningkat masing-masing 3.2 peratus dan 1.0 peratus. Pada suku tahun kedua 2023, IHPR Pengeluaran Tempatan merosot 4.1 peratus (ST1 2023: -0.8%), terutamanya didorong oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (-24.6%), Perlombongan (-10.8%) dan Pembuatan (-1.0%). IHPR Malaysia merosot 2.3 peratus pada Julai 2023.
- Imbangan Akaun Semasa Malaysia mengekalkan lebihan secara berterusan dengan RM9.1 bilion pada suku tahun kedua 2023, berbanding RM2.9 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Lebihan bagi suku tahun tersebut disokong oleh eksport bersih barangan.
- Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah RM3.1 bilion berbanding RM18.0 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih RM8.0 bilion pada ST2 2023 berbanding RM14.4 bilion pada ST2 2022.
- Sebaliknya, jumlah perdagangan barangan Malaysia menyusut 11.3 peratus tahun ke tahun kepada RM643.2 bilion pada suku tahun kedua 2023. Eksport berkurang 11.1 peratus kepada RM348.7 bilion, manakala import menurun 11.5 peratus kepada RM294.5 bilion. Lebihan dagangan menguncup 8.8 peratus kepada RM54.1 bilion. Pada Julai 2023, perdagangan luar negeri terus menurun dengan jumlah dagangan bernilai RM216.4 bilion berbanding RM 252.8 bilion pada Julai tahun lepas. Nilai eksport dicatatkan pada RM116.8 bilion, manakala import pada RM99.7 bilion menghasilkan lebihan dagangan RM17.1 bilion.
- Pada suku tahun kedua 2023, tenaga buruh Malaysia meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun, berjumlah 16.73 juta orang. Ini mendorong peningkatan 0.8 mata peratusan dalam kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB), mencecah 70.0 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat pada kadar yang lebih perlahan 2.8 peratus kepada 16.15 juta orang pada suku tahun tersebut, dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk mencapai 67.5 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur berkurangan 9.5 peratus kepada 581.4 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran pada 3.5 peratus.
- Indeks Pelopor (IP) susut 2.1 peratus pada Jun 2023, mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya. Begitu juga, perubahan bulanan IP menguncup 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding peningkatan 1.7 peratus pada Mei 2023. Ini menunjukkan bahawa prospek ekonomi jangka pendek Malaysia berkemungkinan menyederhana, namun langkah-langkah dasar ekonomi dijangkakan akan mengimbangi cabaran dalam ekonomi.

INDIKATOR EKONOMI UTAMA


Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

2.9%
ST2 2023




Kadar Pengangguran

3.5%
ST2 2023




Pengeluaran Buah Tandan Segar

-7.0%
ST2 2023




Pengeluaran Getah Asli

3.8%
ST2 2023




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

-0.3%
ST2 2023



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

-1.0%
ST2 2023




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun


Indeks Volum Perkhidmatan

5.0%
ST2 2023




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.1%
ST2 2023




Eksport

-11.1%
ST2 2023




Import

11.5%
ST2 2023




Indeks Harga Pengguna (IHP)

2.8%
ST2 2023



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-4.1%
ST2 2023



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

Ekonomi Dunia

Menurut International Monetary Fund (IMF) dalam laporannya pada Julai 2023, dijangkakan terdapat penurunan dalam kadar pertumbuhan tahunan purata global, daripada 3.5 peratus pada tahun 2022 kepada 3.0 peratus untuk kedua-dua tahun 2023 dan 2024. Inflasi global dijangka menurun daripada 8.7 peratus pada tahun 2022 kepada 6.8 peratus pada tahun 2023 dan 5.2 peratus pada tahun 2024. Inflasi teras diunjurkan menurun dan ramalan inflasi pada tahun 2024 telah disemak semula.

Kadar pertumbuhan Amerika Syarikat dijangka menurun daripada 2.1 peratus pada tahun 2022 kepada 1.8 peratus pada tahun 2023, diikuti dengan lebih perlahan kepada 1.0 peratus pada tahun 2024. Unjuran pertumbuhan untuk tahun 2023 telah diselaraskan menaik sebanyak 0.2 mata peratusan disebabkan oleh pertumbuhan yang kukuh dalam perbelanjaan pengguna pada suku tahun pertama 2023.

Pertumbuhan ekonomi United Kingdom dijangka menurun daripada 4.1 peratus pada tahun 2022 kepada 0.4 peratus pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, ia dijangka pulih semula kepada 1.0 peratus pada tahun 2024, mencerminkan pelarasan positif 0.7 mata peratusan untuk tahun 2023. Pelarasan ini disebabkan oleh penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi daripada jangkaan berikutan peningkatan keyakinan hasil daripada harga tenaga yang lebih rendah, penurunan ketidakpastian pasca-Brexit dan sektor kewangan yang berdaya tahan berikutan penyelesaian tekanan perbankan global pada bulan Mac 2023.

Ramalan ekonomi China kekal stabil pada 5.2 peratus untuk tahun 2023 dan 4.5 peratus untuk tahun 2024. Pertumbuhan penggunaan sejajar dengan ramalan World Economic Outlook (WEO) April 2023, tetapi pelaburan lebih rendah disebabkan kemerosotan hartanah yang berterusan di negara itu. Walaupun eksport yang kukuh secara tidak dijangka membantu mengimbangi kemerosotan pelaburan, kesannya semakin berkurangan apabila ekonomi dunia semakin perlahan. Pada separuh pertama tahun 2023, KDNK China berkembang dengan baik sebanyak 5.5 peratus, meningkat sebanyak satu mata peratus berbanding suku pertama. Sektor Perkhidmatan menunjukkan pemulihan yang paling pantas, melonjak sebanyak 6.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada suku kedua 2023, KDNK China menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh iaitu 6.3 peratus berbanding pertumbuhan 4.5 peratus pada suku pertama.

Ekonomi Singapore berkembang sebanyak 0.5 peratus berbanding tahun sebelumnya pada suku kedua tahun 2023, daripada pertumbuhan sebanyak 0.4 peratus pada suku pertama. Pertumbuhan ini didorong oleh sektor perkhidmatan yang berkembang sebanyak 2.6 peratus berbanding 1.9 peratus pada suku pertama. Kerajaan juga menyesuaikan semula ramalan pertumbuhan KDNK 2023, menurunkannya kepada julat 0.5 peratus hingga 1.5 peratus dari jangkaan terdahulu iaitu 0.5 peratus hingga 2.5 peratus. Penyesuaian ini mencerminkan cabaran seperti permintaan lemah dari negara-negara lain, isu inflasi yang berterusan dalam ekonomi maju, dan ketegangan geopolitik yang berpanjangan.

Ekonomi Malaysia

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun kedua 2023 menyederhana kepada 2.9 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sejalan dengan itu, prestasi ekonomi bulanan meningkat secara marginal 0.7 peratus pada bulan April, melonjak 5.6 peratus pada bulan Mei dan menyederhana kepada 2.4 peratus pada Jun 2023. Pertumbuhan kukuh pada bulan Mei 2023 disumbangkan oleh peningkatan sementara dalam permintaan global dan penggunaan isi rumah. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat sebanyak 1.5 peratus (ST1 2023: 0.9%) pada suku tahun ini.

Pertumbuhan ekonomi 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023 didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembinaan (**Jadual 1**).

Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan (%) KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2021 – 2022 dan ST1 2022 - ST2 2023

Jenis Aktiviti Ekonomi	2021	2022	2022				2023	
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
KDNK	3.3	8.7	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6	2.9
Perkhidmatan	2.2	10.9	6.4	11.9	16.7	9.1	7.3	4.7
Pembinaan	-5.1	5.0	-6.1	2.5	15.3	10.1	7.4	6.2
Pembuatan	9.5	8.1	6.7	9.2	13.1	3.9	3.2	0.1
Pertanian	-0.1	0.1	0.1	-2.3	1.2	1.1	1.0	-1.1
Perlombongan & pengkuarian	0.9	2.6	-2.2	-1.7	9.1	6.3	2.4	-2.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor **Perkhidmatan** kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dan meningkat 4.7 peratus (ST1 2023: 7.3%) pada suku tahun kedua 2023. Prestasi memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (4.7%), Pengangkutan & penyimpanan (13.5%) dan Perkhidmatan perniagaan (10.7%). Walau bagaimanapun, beberapa subsektor utama iaitu Makanan & minuman bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan 1.6 peratus (ST1 2023: 3.7%), manakala Kewangan dan insurans menunjukkan penurunan sebanyak 4.7 peratus (ST1 2023: 1.9%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan meningkat 2.7 peratus (ST1 2023: 1.8%).

Sektor **Pembinaan** menyederhana kepada 6.2 peratus (ST1 2023: 7.4%) disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor terutamanya Kejuruteraan awam (10.0%), Aktiviti pembinaan pertukangan khas (6.4%) dan Bangunan kediaman (6.1%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembinaan meningkat 4.8 peratus (ST1 2023: 2.9%).

Selain itu, sektor **Pembuatan** meningkat secara marginal 0.1 peratus (ST1 2023: 3.2%) pada suku tahun ini. Prestasi sederhana sektor ini dipengaruhi oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (5.4%), Produk minuman & tembakau (8.8%) serta Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (2.1%). Sementara itu, penyumbang utama dalam sektor Pembuatan iaitu Produk elektrik, elektronik & optikal dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 1.5 peratus dan 1.6 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat 0.6 peratus (ST1 2023: 0.5%).

Sebaliknya, sektor **Pertanian** merosot sebanyak 1.1 peratus (ST1 2023: 1.0%), disebabkan oleh penyusutan dalam subsektor Kelapa sawit (-6.9%), dipengaruhi oleh fenomena El Nino. Manakala, subsektor Ternakan, Getah dan Pertanian lain menunjukkan pertumbuhan lebih baik pada suku tahun ini. Sektor ini mencatatkan penurunan 3.6 peratus (ST1 2023: -2.5%) bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Pada masa yang sama, sektor **Perlombongan & pengkuarian** menyusut 2.3 peratus (ST1 2023: 2.4%), disebabkan oleh subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat yang masing-masing mencatatkan penurunan 3.6 peratus dan 1.5 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini menyusut 2.7 peratus (ST1 2023: -3.2%).

Dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar terus memacu pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini (**Jadual 2**).

PERSPEKTIF KESELURUHAN

Jadual 2: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan (%) mengikut Jenis Perbelanjaan, 2021 – 2022 dan ST1 2022 – ST2 2023

Jenis perbelanjaan	2021	2022	2022				2023	
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
KDNK	3.3	8.7	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6	2.9
Perbelanjaan penggunaan akhir swasta	1.9	11.2	5.3	18.3	14.8	7.3	5.9	4.3
Pembentukan modal tetap kasar	-0.8	6.8	0.1	5.8	13.1	8.8	4.9	5.5
Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan	6.4	4.5	6.9	2.3	6.5	3.0	-2.2	3.8
Eksport	18.5	14.5	12.3	15.9	21.5	8.6	-3.3	-9.4
Import	21.2	15.9	16.1	20.1	21.1	7.2	-6.5	-9.7
Eksport bersih	-4.0	-1.0	-28.9	-29.0	26.2	23.0	54.4	-3.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau isi rumah yang menyumbang 60.7 peratus kepada KDNK, menyederhana kepada 4.3 peratus (ST1 2023: 5.9%), disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (6.3%), diikuti oleh Komunikasi (7.1%) dan Pengangkutan (6.1%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan 5.9 peratus (ST1 2023: 2.0%).

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat 5.5 peratus (ST1 2023: 4.9%) pada suku tahun ini. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Struktur (6.0%) dan Jentera & peralatan (4.4%), serta Aset lain (8.3%). PMTK mengikut sektor menunjukkan kedua-dua sektor Awam dan Swasta merekodkan peningkatan pada suku tahun kedua 2023. Selain itu, PMTK mencatatkan peningkatan 4.7 peratus (ST1 2023: -1.4%) bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 3.8 peratus (ST1 2023: -2.2%), dipacu oleh perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 4.0 peratus (ST1 2023: -1.7%) pada suku tahun ini.

Kedua-dua **Eksport** dan **Import** masing-masing menyusut 9.4 peratus (ST1 2023: -3.3%) dan 9.7 peratus (ST1 2023: -6.5%), berikutan permintaan global yang lebih lemah terhadap eksport dan import barangan. Walau bagaimanapun, eksport perkhidmatan meningkat, terutamanya disokong oleh peningkatan ketibaan pelancong antarabangsa. Lanjutan itu, **Eksport bersih** turun 3.7 peratus berbanding peningkatan 54.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.


Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia merekodkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM9.1 bilion atau 2.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku kedua tahun 2023, berbanding RM4.3 bilion (1.0% daripada KDNK) pada tahun sebelumnya. Sementara itu, akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM11.6 bilion berbanding RM2.4 bilion pada suku tahun sebelumnya. Pada separuh pertama 2023, CAB mencapai lebihan RM13.4 bilion, manakala akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih RM13.9 bilion.

Prestasi perdagangan Malaysia pada ST2 2023 menyusut buat pertama kali sejak ST3 2020. Jumlah dagangan berkurang 11.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas dengan eksport dan import masing-masing menurun 11.1 peratus dan 11.5 peratus. Pada masa yang sama, lebihan dagangan berkurang 8.8 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM54.1 bilion. Prestasi perdagangan Malaysia terus merosot pada Julai 2023 dengan jumlah perdagangan menyusut 14.4 peratus daripada RM252.8 bilion pada Julai 2022 kepada RM216.4 bilion, disumbangkan oleh penurunan eksport (-13.1%) dan import (-15.9%). Walau bagaimanapun, lebihan dagangan bertambah 7.9 peratus berbanding Julai 2022 kepada RM17.1 bilion, mencatatkan lebihan dagangan bagi bulan ke-39 berturut-turut.

Permintaan dan penawaran untuk buruh kekal stabil pada ST2 2023 ketika ekonomi terus berkembang, walaupun didorong sederhana oleh tadbir urus yang berkesan, keyakinan pengguna yang bertambah baik dan keadaan perniagaan yang lebih baik. Pasaran buruh Malaysia mengekalkan aliran naik pada ST2 2023, mencatatkan 16.73 juta orang, walaupun pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 2.8 peratus dalam pekerjaan dan penurunan yang lebih kecil sebanyak 9.5 peratus dalam penganggur. Dalam tempoh tersebut, sektor ekonomi mengalami peningkatan sebanyak 2.4 peratus dalam bilangan pekerjaan, walaupun kekosongan pekerjaan berkurangan sebanyak 0.9 peratus, mencadangkan pengurangan peluang pekerjaan. Namun begitu, prestasi ekonomi yang memberangsangkan mendorong kepada pewujudan lebih banyak pekerjaan pada ST2 2023 untuk memenuhi keperluan industri. Bagi kecekapan pasaran buruh, ukuran produktiviti buruh dari segi nilai ditambah bagi setiap pekerjaan, kekal stabil pada ST2 2023. Walau bagaimanapun, bagi nilai ditambah setiap jam bekerja, terdapat penurunan ketara dalam produktiviti buruh, menandakan potensi penurunan dalam kecekapan pasaran buruh secara keseluruhan.


Tinjauan ke hadapan, Indeks Pelopor (IP) menyusut 2.1 peratus pada Jun 2023 dengan mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya. Penurunan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus lain (-32.1%) dan Import Benar Semi Konduktor (-19.5%) menyumbang kepada prestasi yang perlahan. Namun begitu, peningkatan dicatatkan oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (68.2%), Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (7.0%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftarkan (1.2%). Pada masa yang sama, perubahan bulanan IP menurun 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.7 peratus pada Mei 2023. Penurunan IP disokong oleh sumbangan negatif lima (5) daripada tujuh (7) komponen terutamanya Bilangan Unit Perumahan Diluluskan (-0.5%) dan Import Benar Semi Konduktor (-0.4%). Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Jun 2023, IP kekal di bawah trend 100.0 mata. Ini menunjukkan bahawa prospek ekonomi jangka pendek Malaysia berkemungkinan menyederhana, namun menjangkakan bahawa langkah-langkah dasar ekonomi akan mengimbangi cabaran dalam ekonomi.

Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Jun 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERSPEKTIF KESELURUHAN


Dalam konteks kecenderungan perniagaan, peniaga meramalkan keadaan perniagaan yang lebih baik untuk suku tahun ketiga 2023 dengan petunjuk keyakinan positif 0.7 peratus berbanding -3.1 peratus pada suku tahun kedua 2023. Merentasi sektor, sektor Perkhidmatan dan Industri meramalkan keadaan perniagaan yang menggalakkan manakala sektor Pembinaan dan Perdagangan Borong & Runcit kekal pesimis terhadap prestasi perniagaan bagi suku tahun ketiga 2023. Memandang ke hadapan, peniaga kekal optimis untuk separuh kedua tahun 2023, walaupun imbalan bersih yang lebih rendah iaitu +13.9 peratus berbanding +14.9 peratus yang direkodkan sebelum ini.

Carta 3: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Imbalan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan Bagi Enam Bulan Akan Datang Mengikut Sektor, Malaysia, 2019 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

GUNA TENAGA DAN JANTINA: MENKAKI PURATA PENDAPATAN PER JAM BEKERJA DAN JURANG UPAH

Ahmad Thawrique Mohd Taufan¹; Siti Aminah Abdullah²; Nur Awanis Helmee³
^{1,2,3} Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PENGENALAN

Agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2030 menekankan kesaksamaan jantina sebagai komponen penting dalam pembangunan mampan, menangani ketidaksamaan jantina dan jurang upah dalam tenaga kerja. Menangani perbezaan upah dan peluang pekerjaan adalah penting untuk memperkasakan wanita dan mengurangkan diskriminasi, pengasingan pekerjaan, dan akses yang tidak sama rata kepada pendidikan (Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2015; Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2019). Merapatkan jurang upah antara jantina adalah penting untuk mencapai bukan sahaja keadilan tetapi juga pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran (Forum Ekonomi Dunia, 2021). Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menekankan kepentingan kesaksamaan jantina dalam mencapai pembangunan mampan, dengan SDG 5 memberi tumpuan kepada memperkasakan semua wanita dan kanak-kanak perempuan, dan SDG 8 bertujuan untuk pertumbuhan ekonomi mampan, pekerjaan penuh dan kewajaran pekerjaan untuk semua (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2020).

Ini amat penting untuk diberi perhatian bahawa di sebalik usaha Malaysia, masih terdapat cabaran untuk mencapai kesaksamaan jantina dan merapatkan jurang upah antara jantina. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) telah mengenalpasti keperluan untuk menangani kadar penyertaan tenaga buruh wanita (KPTB) yang rendah sebagai bidang keutamaan. Usaha ini sejajar dengan matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang lebih saksama berasaskan jantina dan mengurangkan jurang upah antara jantina. Dengan mengatasi halangan penyertaan perempuan dalam tenaga kerja, Malaysia boleh memanfaatkan potensi penuh tenaga kerja perempuan dan memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ketidaksamaan upah antara jantina; jurang upah antara jantina mengikut pencapaian pendidikan, kemahiran, dan sektor di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Jurang upah antara jantina disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk pengasingan pekerjaan, diskriminasi dan penalti keibuan (Reshi & Sudha, 2023). Di Malaysia, lelaki dan perempuan memegang jawatan yang sama dalam pelbagai sektor ekonomi. Terdapat kemungkinan bahawa perbezaan mengikut sektor dalam pekerjaan yang sama menjadi punca jurang upah antara jantina (Ismail et al., 2017). Najib dan Majid (2021) memperhatikan bahawa semua jawatan pembuatan dan kejuruteraan berpendapatan tinggi di Malaysia kebanyakannya dipegang oleh lelaki, yang mana jurang upah antara jantina wujud dalam pasaran buruh Malaysia kerana lazimnya pekerja lelaki memperoleh upah yang lebih tinggi daripada perempuan.

Tambahan pula, pelbagai kajian empirikal di negara membangun telah menunjukkan bahawa terdapat jurang upah yang ketara antara lelaki dan perempuan. Seterusnya, kaedah kuantitatif iaitu penguraian Blinder-Oaxaca yang digunakan oleh Papaspyrou (2004) mendapati bahawa jurang upah antara jantina wujud dalam pasaran buruh Greece. Menurut kajian, jurang upah antara jantina di Denmark dikurangkan sebanyak 2.0 peratus hasil daripada perubahan dalam undang-undang buruh yang memerlukan majikan untuk melaporkan angka upah mengikut jantina (Bennedsen et al., 2019). Berkaitan dengan penemuan ini, banyak kajian menunjukkan bahawa pekerja lelaki menerima upah yang lebih tinggi daripada rakan sejawat perempuan, walaupun mempunyai kelayakan atau kemahiran yang sama (Ismail et al., 2017). Oleh sebab lelaki dan perempuan boleh mengambil bahagian secara aktif dalam ekonomi, pasaran buruh yang tiada diskriminasi dapat menjamin pembangunan negara berada pada tahap tertinggi.

METODOLOGI

Jurang upah antara jantina adalah perbezaan antara purata kasar pendapatan per jam bekerja bagi pekerja lelaki dan perempuan yang dinyatakan sebagai peratusan purata kasar pendapatan per jam bekerja bagi pekerja lelaki

$$\text{Jurang upah antara jantina (\%)} = \frac{(E_l - E_p)}{E_l} \times 100$$

di mana E_l ialah purata kasar pendapatan per jam bekerja bagi lelaki dalam mana-mana kumpulan populasi tertentu dan E_p ialah purata kasar pendapatan per jam bekerja bagi perempuan.

Garis Panduan Tafsiran dan Sumber Data


Apabila jurang upah antara jantina sama dengan "0", menandakan kesamarataan pendapatan. Nilai positif menunjukkan sejauh mana pendapatan perempuan kurang daripada pendapatan yang diterima oleh lelaki, di mana nilai yang lebih hampir kepada "100" menunjukkan lebih banyak ketidaksamaan daripada nilai yang lebih hampir kepada "0". Nilai negatif menunjukkan sejauh mana pendapatan perempuan lebih tinggi daripada lelaki (walaupun keadaan ini jarang ditemui dalam realiti). Jurang upah antara jantina yang dibentangkan di atas adalah dalam bentuk yang tidak diselaraskan yang bermaksud bahawa ia tidak mengambil kira faktor-faktor seperti pendidikan, pengalaman dan pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan. Kajian ini menggunakan statistik rasmi siri masa yang disusun oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia (DOSM) iaitu Survei Gaji & Upah berdasarkan ketersediaan data dari tahun 2011 sehingga 2021.

Penemuan

Purata Pendapatan per jam Bekerja

Purata pendapatan per jam bekerja merupakan metrik penting dalam penentuan jurang upah antara kumpulan individu yang berlainan. Jumlah purata pendapatan per jam bekerja di Malaysia menunjukkan trend menaik daripada RM13.3 pada 2015 kepada RM17.0 pada 2019 yang menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam tempoh lima tahun. Walau bagaimanapun, penurunan diperhatikan pada 2020 berikutan jumlah purata pendapatan per jam bekerja menurun kepada RM16.0. Namun, terdapat pemulihan pada 2021 dengan jumlah purata pendapatan per jam bekerja di Malaysia meningkat kepada RM16.5. Begitu juga, pendapatan dari kedua-dua jantina menunjukkan trend yang sama. Walau bagaimanapun, secara purata, lelaki dengan konsisten memperoleh lebih banyak pendapatan daripada perempuan sepanjang tempoh tersebut (**Carta 1a**).


Carta 1a: Jumlah Purata Pendapatan per Jam Bekerja, 2015 – 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Dari 2015 hingga 2021, Malaysia mengalami trend peningkatan dengan purata pendapatan yang umum per jam bagi lelaki dan perempuan di semua peringkat kemahiran. Lelaki mengalami peningkatan ketara daripada RM23.6 pada 2015 kepada RM27.1 pada 2021, manakala perempuan menyaksikan peningkatan yang sama daripada RM22.6 pada 2015 kepada RM27.1 pada 2021. Pekerja separa mahir lelaki dan perempuan dilihat mengalami peningkatan pendapatan, tetapi jurang jantina tetap ketara. Pekerja berkemahiran rendah mengalami peningkatan purata pendapatan per jam bekerja secara beransur-ansur, dengan lelaki mencatatkan kenaikan daripada RM7.0 pada 2015 kepada RM9.7 pada 2021, perempuan meningkat daripada RM5.5 pada 2015 kepada RM9.1 pada 2021 (**Carta 1b**).

Carta 1b: Purata Pendapatan per Jam Bekerja mengikut Tahap Kemahiran, 2015 – 2021




Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Mengikut pecahan sektor, purata pendapatan per jam bagi kedua-dua jantina dalam sektor Pertanian meningkat bagi tempoh dari 2015 hingga 2019, kemudian, sedikit menurun pada 2020, dan kali terakhir mencatatkan peningkatan pada 2021 kepada RM9.4 bagi lelaki dan RM9.8 bagi perempuan. Trend yang sama dicatatkan dalam sektor Perkhidmatan, iaitu penurunan purata pendapatan per jam bagi kedua-dua jantina pada 2020 setelah mencatatkan trend peningkatan, dan kemudian memulih pada 2021 dengan mencatatkan kenaikan kepada RM18.2 bagi lelaki dan RM17.4 bagi perempuan. Dalam sektor Pembinaan, sejak kejatuhan pada 2016, purata pendapatan per jam lelaki terus meningkat sehingga 2018 dan berkurangan pada tahun-tahun berikutnya merekodkan RM14.8 pada 2021. Purata pendapatan per jam bagi wanita dalam sektor ini meneruskan trend peningkatan sehingga 2019, yang kemudiannya memulakan trend sebaliknya menjadikan purata pendapatan per jam dalam sektor ini kepada RM12.5 pada 2021.

Sementara itu, dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian memerhatikan turun naik purata pendapatan per jam sepanjang tempoh masa ini bagi lelaki dan perempuan. Purata pendapatan per jam bagi lelaki adalah RM22.3 pada 2015 dan RM27.6 per jam direkodkan pada 2021 selepas turun dari paras tertinggi iaitu RM30.7 pada 2018. Sementara itu, trend yang sama juga diperhatikan bagi perempuan dalam sektor ini, turun daripada RM32.3 per jam pada 2019, mencatat RM23.8 pada 2021. Menariknya, penemuan mendapati bahawa sektor Pembuatan menunjukkan perbezaan pendapatan per jam yang besar antara jantina, dengan trend peningkatan yang stabil untuk kedua-dua lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan kenaikan lebih perlahan kepada RM14.2 dan RM12.8 (**Carta 1c**).

Carta 1c: Purata Pendapatan per Jam Bekerja mengikut Jantina dan Aktiviti Ekonomi, 2015 – 2021




Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Kajian mendapati bahawa purata pendapatan per jam bekerja meningkat dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi, dengan pendidikan tertiar menjadi yang tertinggi. Dari 2015 hingga 2021, individu yang mempunyai pendidikan tertiar menerima purata pendapatan per jam tertinggi bagi kedua-dua jantina. Purata pendapatan per jam bagi kedua-dua jantina dengan pendidikan menengah menunjukkan trend positif dari 2015 hingga 2019, tetapi merosot pada 2020. Pada 2021, kedua-dua jantina menunjukkan peningkatan marginal, masing-masing merekodkan RM12.0 dan RM10.7 bagi lelaki dan perempuan.

Bagi lelaki yang mempunyai pendidikan rendah, terdapat trend menaik dari 2015 hingga 2017, diikuti penurunan pada 2018 kepada RM8.3. Pada 2019, terdapat peningkatan yang lebih kecil, dan kemudian menurun kepada RM8.6 pada 2021. Perempuan juga mencatatkan trend yang sama, dengan purata pendapatan per jam daripada RM5.3 pada 2015 kepada RM7.1 pada 2021. Individu yang tidak mempunyai pendidikan formal mencatatkan purata pendapatan per jam terendah sepanjang tempoh 2015-2021. Bagaimanapun, lelaki menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur daripada RM6.8 pada 2015 kepada paras tertinggi RM9.3 pada 2019, diikuti penurunan kepada RM8.1 pada 2021. Perempuan dalam kategori ini mencatatkan purata pendapatan per jam terendah iaitu RM4.2 pada 2015, meningkat secara berterusan kepada RM7.1 pada 2021 (**Carta 1d**).

Carta 1d: Purata Pendapatan per Jam Bekerja mengikut Jantina dan Pencapaian Pendidikan, 2015 – 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Jurang Upah antara Jantina

Analisis jurang upah antara jantina yang diperoleh berdasarkan purata pendapatan per jam bekerja mendapati kewujudan jurang upah antara jantina dalam pasaran buruh Malaysia, jurang ini menunjukkan bahawa perbezaan upah antara jantina wujud antara pekerja lelaki dan perempuan dalam negara. Perlu diperhatikan bahawa jurang upah antara jantina telah menunjukkan trend yang semakin berkurangan sejak lonjakan yang diperhatikan antara 2015 dan 2016. Walau bagaimanapun, tahun 2020 terkecuali berikutan sekatan sosial dan ekonomi bagi membendung penularan wabak COVID-19 di negara. Analisis jurang upah antara jantina pada 2021 mendapati pengurangan yang ketara dalam jurang upah antara jantina di Malaysia. Jurang upah secara keseluruhannya, yang mengukur perbezaan upah antara pekerja lelaki dan perempuan, telah berkurang kepada 0.8 peratus, menandakan penambahbaikan ketara berbanding kemuncaknya pada 2016 iaitu 3.3 peratus (**Carta 1e**).


Carta 1e: Jumlah Jurang Upah antara Jantina, 2015 – 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Jurang upah antara jantina merentasi pekerjaan tahap kemahiran di Malaysia telah berkurangan antara lelaki dan perempuan sejak 2015, dengan jurang upah terbesar dalam pekerjaan berkemahiran rendah berkurangan kepada 6.1 peratus pada 2021. Kategori pekerjaan mahir telah mencapai kemajuan yang ketara, dengan penurunan 2.1 mata peratus berbanding tahun sebelumnya, menjadikan jurang upah minimum sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, kemajuan kategori separuh mahir perlahan, dengan penurunan 0.1 mata peratus yang sederhana, mengakibatkan jurang upah 8.4 peratus pada tahun 2021 (**Carta 1f**).


Carta 1f: Jurang Upah mengikut Tahap Kemahiran, 2015 – 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Jurang upah antara jantina di Malaysia berbeza mengikut sektor ekonomi. Pertanian mempunyai jurang upah antara jantina tertinggi pada 2015 iaitu 28.2 peratus, tetapi telah menurun kepada 3.8 peratus pada 2021. Perlombongan dan pengkuarian mengalami jurang upah tertinggi iaitu 13.5 peratus pada 2021. Sektor Perkhidmatan mencatatkan hampir tiada jurang upah dari 2015 hingga 2020, tetapi meningkat kepada 4.0 peratus pada 2021. Sektor Pembinaan, kebanyakannya terdiri daripada lelaki, mempunyai ketidakseimbangan jantina yang ketara, dengan pekerja lelaki tertumpu pada kerja pembinaan berkemahiran rendah dan perempuan bekerja di pejabat. Jurang upah terendah dicatatkan pada 2021 pada 18.6 peratus (**Carta 1g**).


Carta 1g: Jurang Upah mengikut Aktiviti Ekonomi, 2015 – 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

Jurang upah antara jantina berbeza mengikut tahap pencapaian pendidikan. Individu dalam kategori pendidikan tertiar secara konsisten mempunyai jurang upah antara jantina yang paling rendah dari 2015 hingga 2020. Walau bagaimanapun, pada 2021, terdapat peningkatan ketara dalam jurang upah antara jantina bagi individu dalam kategori pendidikan tertiar iaitu kepada 11.8 peratus. Kategori ini merupakan satu-satunya kategori yang menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya, manakala kategori lain menyaksikan penurunan. Jurang upah antara jantina bagi kategori pendidikan menengah kekal stabil sepanjang tempoh ini, dengan jurang upah tertinggi sebanyak 20.5 peratus pada 2016 dan jurang upah terendah dicatatkan pada 2021 sebanyak 10.2 peratus. Sementara itu, individu yang mempunyai tahap pendidikan rendah mengalami ketidaktentuan yang ketara dalam jurang upah di antara 2015 hingga 2021. Pada 2015, jurang upah antara jantina bagi individu berpendidikan rendah direkodkan pada tahap tertinggi iaitu sebanyak 31.6 peratus. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan jurang upah yang ketara pada tahun 2021 merekodkan sebanyak 7.6 peratus (**Chart 1h**).

Carta 1h: Jurang Upah mengikut Pencapaian Pendidikan, 2015 - 2021



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah, DOSM

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Malaysia masih menghadapi cabaran dalam mencapai kesaksamaan jantina dan merapatkan jurang upah antara jantina. Walaupun dengan pelaksanaan dasar untuk menggalakan kesaksamaan jantina, perbezaan upah masih wujud dalam pasaran buruh, menyebabkan upah yang lebih rendah dalam beberapa bidang tertentu. KPTB wanita yang rendah merupakan halangan utama dalam mencapai kesaksamaan jantina dan merapatkan jurang upah antara jantina. Selaras dengan itu, SDG 5 menumpukan untuk mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasakan wanita. Ia adalah penting bagi merapatkan jurang upah antara jantina dan mengekalkan perkembangan pertumbuhan ekonomi.

Dapatan kajian ini memberikan pandangan mengenai jurang upah antara jantina di Malaysia dan boleh digunakan dalam penyediaan dasar dan intervensi bagi menggalakkan kesaksamaan dalam tenaga kerja dan mengurangkan jurang gaji antara jantina. Walau bagaimanapun, analisis yang lebih mendalam mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada jurang ini diperlukan bagi menangani isu ini. Dalam mempromosikan kesaksamaan jantina dalam tenaga kerja, Malaysia perlu mengambil pendekatan komprehensif yang merangkumi pendekatan dasar dalam menangani perbezaan jurang upah mengikut jantina, meningkatkan KPTB wanita, dan menggalakkan tempat kerja yang inklusif dan kepelbagaian. Dasar-dasar ini perlu ditumpukan kepada meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan untuk wanita, mengurangkan pengasingan pekerjaan, dan menggalakkan upah yang sama untuk kerja yang sama.

Antara kelebihan dalam mencapai kesaksamaan jantina dan merapatkan jurang upah antara jantina adalah peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi, produktiviti yang lebih tinggi, dan penglibatan sosial yang lebih tinggi. Masyarakat yang lebih saksama dan inklusif juga dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat, tanpa mengira jantina. Oleh itu, menangani jurang upah antara jantina bukan sahaja soal isu keadilan sosial tetapi juga merupakan komponen penting dalam pembangunan ekonomi mampan di Malaysia.

PENAFIAN

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Yong Joo Chiet, Zainol Jamil dan Jamaliah Jaafar dari Biro Statistik Buruh Malaysia yang telah menyumbangkan pandangan, kepakaran dan bimbingan dalam penghasilan dan penambahbaikan artikel ini.

RUJUKAN

Bennedsen. M., Simintzi. E., Tsoutsoura. M. & Wolfenzon. D., (2019). Do Firms Respond To Gender Pay Gap Transparency?. National Bureau of Economic Research. Retrieved from <http://www.nber.org/papers/w25435>

Department of Statistics Malaysia. (2021). Labour force participation rate by state, sex and age group, Malaysia, 2020. Retrieved from https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthem&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkT1ZJZFpLUT09&bul_id=OWlkaFhxYm5wemJ5V0lWTHpjbTVVUT09

International Labour Organization. (2019). Women in business and management: The business case for change. Retrieved from https://www.ilo.org/global/publications/books/WCMS_674803/lang--en/index.htm

Ismail. R., Farhadi. M., & Wye. C. K., (2017). Occupational Segregation and Gender Wage

Differentials: Evidence from Malaysia*. Journal of the East Asian Economic Association. Vol(31), 381-401.

Najib. N. I. M. & Majid. N., (2021). Analysis Of Gender Income Gap In Malaysia. Journal of Quality Measurement and Analysis, 17(1) 2021, 49-59.

Osman. L., (2022). The gender wage gap in Malaysia. Retrieved from <https://ghrd.org/article-detail.php?id=46>

Papaspyrou. T. S., (2004). Gender Wage Differential in Greece. Economic Bulletin Bank of Greece, Number 23.

Reshi. I. A., & Sudha. D. T., (2023), The Gender Pay Gap And Its Impact On Women's Economic Empowerment. MORFAI Journal, vol(3), 10-16.

United Nations General Assembly. (2015). Transforming our world: The 2030 Agenda for Sustainable Development. Retrieved from https://www.un.org/ga/search/view_doc.asp?symbol=A/RES/70/1&Lang=E

United Nations. (2020). Sustainable Development Goals. Retrieved from <https://www.un.org/sustainabledevelopment/sustainable-development-goals/>

World Economic Forum. (2021). Global Gender Gap Report 2021. Retrieved from <https://www.weforum.org/reports/gender-gap-2021-report-100-years-pay-equality>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PRESTASI SEKTORAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



**BANCI 2024
PERTANIAN**
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

B/E/23
BANCI EKONOMI 2023
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

**MALAYSIA
MADANI**



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 8/ 2023

KDNK MALAYSIA ST2 2023: 2.9% | ST1 2023: 5.6%



Pertanian
ST2 2023: -1.1%
Sumbangan: 6.2%



**Perlombongan &
pengkuarian**
ST2 2023: -2.3%
Sumbangan: 6.1%



Pembinaan
ST2 2023: 6.2%
Sumbangan: 3.6%



Pembuatan
ST2 2023: 0.1%
Sumbangan: 23.6%



Perkhidmatan
ST2 2023: 4.7%
Sumbangan: 59.3%

PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Julai 2023: 8,350,319 tan metrik ▲ 4.6%
Jun 2023: 7,435,995 tan metrik ▼ -6.7%



Pengeluaran Getah Asli

Jun 2023: 29,867 tan metrik ▼ -3.9%
Mei 2023: 24,126 tan metrik ▲ 15.7%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

ST2 2023 ▼ -0.3%
ST1 2023 ▲ 2.9%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

ST2 2023: RM439.2 bilion ▼ -1.0%
ST1 2023: RM449.4 bilion ▲ 8.2%



Hasil Sektor Perkhidmatan

ST2 2023: RM568.3 bilion ▲ 6.9%
ST1 2023: RM560.3 bilion ▲ 13.1%



Indeks Volum Perkhidmatan

ST2 2023 ▲ 5.0%
ST1 2023 ▲ 8.8%

SEKTOR LUARAN



Eksport

Q2 2023: RM348.7 bilion
-11.1% ▼
Q1 2023: RM354.6 bilion
3.0% ▲

Import

Q2 2023: RM294.8 bilion
-11.5% ▼
Q1 2023: RM290.2 bilion
3.4% ▲

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

Q2 2023: 16.15 juta
2.8% ▲
Q1 2023: 16.06 juta
3.1% ▲



Kadar Pengangguran

ST2 2023: 3.5%
ST1 2023: 3.5%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

ST2 2023: 2.8% ▲
ST1 2023: 3.6% ▲



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)


ST2 2023: -4.1% ▼
ST1 2023: -0.8% ▼

PERTANIAN

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Julai 2023 meningkat sebanyak 12.3 peratus kepada 8,350,319 tan metrik berbanding Jun 2023 (7,435,995 tan metrik) (**Carta 5**). Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan peningkatan 4.2 peratus berbanding Julai 2022 (8,015,968 tan metrik).

Carta 5: Pengeluaran Buah Tandam Segar, Januari 2022 - Julai 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet kelapa sawit pada Julai 2023 meningkat 13.2 peratus kepada 1.37 tan metrik/ha berbanding Jun 2023 (1.21 tan metrik/ha) (**Jadual 3**). Purata hasil buah tandan segar oleh estet-estet yang beroperasi di Semenanjung Malaysia meningkat 17.8 peratus, kepada 1.39 tan metrik/ha (Jun 2023: 1.18 tan metrik/ha). Purata hasil buah tandan segar di Sabah/ Sarawak turut meningkat sebanyak 8.9 peratus kepada 1.35 tan metrik/ha (Jun 2023: 1.24 tan metrik/ha).


Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandam Segar mengikut Kawasan, Januari 2022 - Julai 2023 (Tan Metrik/Ha)

Wilayah	2022												2023						
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul
Malaysia	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20	1.26	1.28	1.45	1.51	1.54	1.45	1.38	1.19	1.07	1.09	1.00	1.23	1.21	1.37
Semenanjung Malaysia	1.07	1.07	1.32	1.28	1.30	1.38	1.40	1.52	1.57	1.61	1.49	1.41	1.19	1.11	1.07	0.96	1.21	1.18	1.39
Sabah/ Sarawak	1.12	0.93	1.06	1.08	1.11	1.17	1.18	1.39	1.46	1.48	1.41	1.36	1.19	1.04	1.11	1.03	1.24	1.24	1.35

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 11.2 peratus (Julai 2023: 1,610,052 tan metrik, Jun 2023: 1,447,697 tan metrik) dan 10.4 peratus (Julai 2023: 386,815 tan metrik, Jun 2023: 350,516 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit masing-masing turut meningkat sebanyak 6.5 peratus (Julai 2023: 172,242 tan metrik, Jun 2023: 161,748 tan metrik) dan 5.1 peratus (Julai 2023: 190,110 tan metrik, Jun 2023: 180,852 tan metrik).


Carta 6: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Januari 2022 - Julai 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit meningkat sebanyak 15.5 peratus. (Julai 2023: 1,353,925 tan metrik, Jun 2023: 1,171,739 tan metrik). Eksport minyak isirung sawit dan dedak isirung sawit masing-masing turut meningkat sebanyak 20.8 peratus (Julai 2023: 77,729 tan metrik, Jun 2023: 64,325 tan metrik) dan 46.1 peratus (Julai 2023: 194,438 tan metrik, Jun 2023: 133,125 tan metrik).


Carta 7: Eksport Minyak Sawit, Januari 2022 - Julai 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import minyak sawit menyusut 23.2 peratus kepada 103,837 tan metrik pada bulan Julai 2023 berbanding 135,271 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sebaliknya import minyak isirung sawit meningkat sebanyak 28.9 peratus (Julai 2023: 7,948 tan metrik, Jun 2023: 6,163 tan metrik).

Carta 8: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Januari 2022 - Julai 2023



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Malaysia yang merupakan negara kedua terbesar dalam pengeluaran minyak sawit dunia terus menjadi tunjang dalam merencanakan aktiviti pertanian di Malaysia. Memetik petikan dari akhbar Utusan Malaysia bertarikh 8 Ogos 2023, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menyeru pemain-pemain industri dalam sektor ini memainkan peranan mereka dalam melibatkan diri dan terus mempromosikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mapan Malaysia (MSPO) untuk diiktiraf di peringkat global demi penambahbaikan industri minyak sawit dalam menekankan perlindungan alam, tanggungjawab sosial dan daya maju ekonomi.

Getah

Pengeluaran getah asli meningkat 23.8 peratus pada Jun 2023 kepada 29,867 tan metrik berbanding 24,126 tan metrik yang direkodkan pada Mei 2023 seperti pada **Carta 9**. Perbandingan tahun ke tahun pengeluaran getah asli menunjukkan penurunan 3.9 peratus (Jun 2022: 31,083 tan metrik).

Prestasi suku kedua 2023 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 7.6 peratus kepada 77,453 tan metrik berbanding 83,848 tan metrik pada suku pertama 2023. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku kedua 2023 pula mencatatkan peningkatan 3.8 peratus berbanding suku kedua 2022 (74,635 tan metrik).

Carta 9: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2022 – Jun 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Jun 2023 iaitu 85.9 peratus (25,659 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 14.1 peratus (4,208 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di sektor kebun kecil meningkat 24.0 peratus dan sektor estet pula mencatatkan peningkatan 22.4 peratus. Manakala pengeluaran sektor kebun kecil menurun 5.0 peratus dan pengeluaran di estet pula meingkat sebanyak 3.4 peratus berbanding Jun 2022.

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 1.8 peratus (Jun 2023: 497.70 sen sekilogram; Mei 2023: 488.76 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat 0.8 peratus (Jun 2023: 481.91 sen sekilogram; Mei 2023: 478.02 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 0.4 peratus hingga 1.8 peratus. The World Bank Commodity Price Data melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) menurun 2.3 peratus (daripada USD 1.35/kg kepada USD1.32/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 1.5 peratus (daripada USD1.56/kg kepada USD1.53/kg).


Carta 10: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Jun 2022 dan Mei - Jun 2023



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 5.4 peratus pada Jun 2023 kepada 159,742 tan metrik berbanding 168,806 tan metrik pada Mei 2023. Perbandingan tahun ke tahun stok getah asli menunjukkan penurunan 44.3 peratus berbanding 286,591 tan metrik yang dicatatkan pada Jun 2022.


Carta 11: Stok Getah Asli, Januari 2022 – Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan domestik getah asli menunjukkan penurunan 3.8 peratus kepada 25,120 tan metrik berbanding 26,106 tan metrik pada Mei 2023. Perubahan tahunan pula menunjukkan penurunan 30.8 peratus (Jun 2022: 36,316 tan metrik).

Carta 12: Penggunaan Domestik, Januari 2022 – Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,857 tan metrik pada Jun 2023 meningkat 31.8 peratus berbanding Mei 2023 (37,062 tan metrik) dan menunjukkan penurunan 16.7 peratus dari 58,685 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. China terus mendominasi sebagai pengimport tertinggi getah asli iaitu 50.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2023 diikuti Jerman (7.8%), Amerika Syarikat (4.9%), Pakistan (3.1%) dan Iran (2.5%).

Sarung tangan merupakan eksport utama produk berasaskan getah dengan kuantiti sebanyak 37,429 tan metrik pada Jun 2023, menurun sebanyak 7.0 peratus berbanding Mei 2023 (40,238 tan metrik). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah Amerika Syarikat (11,528 tan metrik), Jepun (2,507 tan metrik) dan Jerman (2,074 tan metrik) seperti pada **Jadual 4**.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Mei 2023 dan Jun 2023

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Mei 2023	Jun 2023	Mei 2023	Jun 2023
United States of America	12,488	11,528	350.0	336.8
Japan	2,330	2,507	73.2	80.9
Germany	2,143	2,074	53.9	57.8
Brazil	1,571	1,825	28.3	28.6
China	1,743	1,304	33.2	26.5
Turkiye	1,422	1,252	22.4	20.8
India	969	1,223	15.0	18.9
United Kingdom	1,252	1,170	33.6	33.4
Republic of Korea	1,020	892	26.2	23.7
Canada	651	862	16.9	21.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Aktiviti pengeluaran getah di Malaysia terus dipertingkat bagi menampung keperluan bukan hanya di peringkat hulu malah di sektor hiliran. Memetik petikan akhbar Sinar Harian pada 5 Ogos 2023, kerajaan akan meningkatkan pengeluaran lateks negara sebanyak 30 peratus kepada 40,000 tan metrik setahun bagi memenuhi permintaan sektor hiliran getah. Bagi tujuan tersebut, Insentif Pengeluaran Lateks telah diwujudkan di bawah seliaan Lembaga Getah Malaysia.

INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia mengalami perubahan prestasi, menunjukkan penurunan 2.2 peratus tahun ke tahun. Prestasi tersebut berbeza dengan pertumbuhan positif 4.8 peratus yang dicatatkan pada Mei 2023 (**Carta 13**). Kejatuhan pada bulan Jun 2023 adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan dengan masing-masing menurun 1.6 peratus (Mei 2023: 5.1%) dan 6.4 peratus (Mei 2023: 2.9%). Sementara itu, pengeluaran sektor Elektrik menyederhana kepada 2.8 peratus berbanding 5.9 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat 2.2 peratus berbanding 7.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

**Carta 13: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%),
Jun 2022 – Jun 2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Kemerosotan dalam pengeluaran Pembuatan pada Jun 2023 adalah dipengaruhi terutamanya oleh kejatuhan sebanyak 3.9 peratus dalam industri berorientasikan eksport (Mei 2023: 2.8%). Penurunan industri berorientasikan eksport disebabkan oleh kejatuhan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-10.8%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-4.0%). Sebaliknya, industri berorientasikan domestik terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.1 peratus berbanding 10.1 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (6.7%); dan Pembuatan produk prosesan makanan (5.8%).

IPP bagi negara rakan dagang utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan negatif pada Jun 2023 seperti Taiwan (-16.6%), South Korea (-5.6%), Singapore (-4.5%), Japan (-0.4%) dan United States (-0.4%). Sementara itu, China terus mengekalkan momentum pertumbuhan positif, berkembang 4.4 peratus pada Jun 2023, meningkat daripada pertumbuhan 3.5 peratus pada bulan sebelumnya.

Pengeluaran sektor Perlombongan menurun 6.4 peratus pada Jun 2023, menandakan kadar pertumbuhan terendah sejak Mei 2022 (-7.4%). Penyusutan ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam kedua-dua Gas Asli dan Minyak Mentah & Kondensat, dengan penguncupan 7.8 peratus (Mei 2023: 4.5%) dan 4.5 peratus (Mei 2023: 0.6%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, indeks Perlombongan jatuh 7.7 peratus berbanding pertumbuhan 7.6 peratus yang direkodkan pada Mei 2023.

Secara keseluruhannya, pada suku kedua 2023, IPP mencatatkan penurunan marginal 0.3 peratus berbanding pertumbuhan 2.9 peratus yang direkodkan pada suku pertama 2023. Pada tempoh tersebut, indeks Perlombongan merosot 2.8 peratus, manakala sektor Pembuatan meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus. Namun begitu, penjana Elektrik meningkat 2.8 peratus, meneruskan aliran menaik bagi dua suku tahun berturut-turut (**Carta 14**).

**Carta 14: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%),
ST1 2022 – ST2 2023**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pembuatan

Sektor Pembuatan Malaysia merekodkan nilai jualan RM147.4 bilion pada Jun 2023, merosot 4.0 peratus pada Jun 2023 berikutan pertumbuhan positif 3.3 peratus pada bulan sebelumnya. **(Carta 15)**. Kemerostan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau yang merosot 14.6 peratus. Ini menunjukkan penurunan tiga bulan berturut-turut, diikuti subsektor Petroleum, kimia, getah & plastik (-12.4%); dan Kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (-1.1%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan meningkat marginal sebanyak 0.4 peratus daripada RM146.8 bilion yang direkodkan pada Mei 2023.

Nilai jualan industri berorientasikan eksport yang merangkumi 73.0 peratus daripada jumlah jualan, merosot 7.4 peratus pada Jun 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.1 peratus pada Mei 2023. Sebaliknya, industri berorientasikan domestik mengekalkan pertumbuhan positif sejak September 2021, berkembang sebanyak 6.8 peratus pada Jun 2023 (Mei 2023: 12.5%). Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 2.4 peratus manakala industri berorientasikan domestik mengalami kejatuhan sebanyak 4.6 peratus.

Sementara itu, nilai eksport Malaysia pada Jun 2023 berjumlah RM124.0 bilion, menyusut sebanyak 14.1 peratus berbanding Jun 2022. Eksport barangan perkilangan mendominasi keseluruhan eksport pada Jun 2023 dengan sumbangan 87.7 peratus, menurun sebanyak 9.5 peratus kepada RM108.8 bilion. Penurunan tersebut disebabkan terutamanya oleh eksport yang rendah bagi keluaran petroleum, barangan perkilangan berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia.

Carta 15: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Jun 2022 – Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


INDUSTRI DAN PEMBUATAN

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, sektor Pembuatan pada Jun 2023 melibatkan seramai 2.35 juta orang pada Jun 2023, mencatatkan peningkatan 2.1 peratus berbanding 2.30 juta orang yang direkodkan setahun lalu. Kenaikan ini didorong terutamanya oleh subsektor Produk peralatan elektrik & elektronik (3.4%); Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (1.8%); dan Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (1.6%). Berbanding bulan sebelumnya, bilangan pekerja dalam sektor ini berkurang secara marginal sebanyak 0.4 peratus.

Selaras dengan itu, gaji & upah yang dibayar dalam sektor Pembuatan juga meningkat sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun, dengan sejumlah RM8.0 bilion pada Jun 2023. Bagi perbandingan bulan ke bulan, gaji & upah menyusut 0.6 peratus daripada RM8.1 bilion yang direkodkan pada Mei 2023. Tambahan lagi, purata gaji & upah bulanan bagi setiap pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 0.9 peratus dengan nilai RM3,432 manakala nilai jualan bagi setiap pekerja jatuh sebanyak 5.9 peratus kepada RM62,853.

Pada suku tahun kedua 2023, nilai jualan sektor Pembuatan merekodkan penyusutan pertama sejak suku tahun kedua 2020 (-16.5%) dengan mencatatkan negatif 1.0 peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 16**). Kemerostotan tersebut dipengaruhi oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (-12.7%); dan Petroleum, kimia, getah & plastik (-4.8%). Sementara itu, bilangan pekerja dan gaji & upah pada suku tahun berkenaan masing-masing tumbuh sederhana sebanyak 2.1 peratus (ST1 2023: 2.8%) dan 3.6 peratus (ST1 2023: 4.3%). Nilai jualan per pekerja merekodkan kejatuhan 3.0 peratus (ST1 2023: 5.3%) kepada RM187,250.

Carta 16: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST1 2020 - ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Sektor Pembuatan dijangka terus mengalami kelembapan pada separuh kedua tahun 2023, dipengaruhi oleh penurunan berterusan dalam permintaan luaran, peningkatan inflasi dan kenaikan semula kos pengeluaran.

Perkhidmatan

Hasil sektor Perkhidmatan bertumbuh 6.9 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2023 untuk merekodkan sebanyak RM568.3 bilion. Sementara itu, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.0 peratus kepada 143.1 mata pada suku ini (**Carta 17**).

Berdasarkan perbandingan suku tahunan, jumlah hasil sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2023. Peningkatan ini turut didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat 1.2 peratus. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan dan segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan masing-masing meningkat 2.1 peratus dan 1.7 peratus. Indeks Volum Perkhidmatan pula merosot 0.6 peratus berbanding suku tahun sebelumnya.

Carta 17: Hasil dan Indeks Volum Sektor Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2018 - ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada analisis prestasi mengikut segmen, Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan berkembang sebanyak 5.9 peratus tahun ke tahun kepada RM433.5 bilion berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (**Jadual 5**). Seiring itu, Indeks Volum meningkat 4.6 peratus untuk merekodkan 145.2 mata (**Jadual 6**). Peningkatan hasil bagi segmen ini disokong oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit (+5.7%); Makanan dan Minuman (+6.4%); dan Penginapan (+36.7%).

Bagi prestasi subsektor Perdagangan Borong & Runcit mengikut aktiviti, nilai jualan bagi aktiviti Perdagangan Runcit meningkat 7.8 peratus kepada RM178.7 bilion, selari dengan kenaikan nilai jualan bagi Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (+12.4%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain (+8.4%) dan Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan (+11.1%). Sementara itu, nilai jualan bagi aktiviti Perdagangan Borong meningkat 3.6 peratus kepada RM185.5 bilion, terutamanya disumbangkan oleh Jualan Borong Barangan Isi Rumah (+6.0%), Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (+8.4%) dan Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (+6.2%). Nilai jualan bagi aktiviti Kenderaan Bermotor meningkat 6.2 peratus kepada RM48.3 bilion.

Hasil subsektor Makanan dan Minuman meningkat 6.4 peratus kepada RM17.5 bilion, manakala Indeks Volum pula merekodkan pertumbuhan 1.3 peratus untuk mencatatkan 126.9 mata berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Begitu juga, hasil subsektor Penginapan melonjak 36.7 peratus untuk merekodkan nilai RM3.5 bilion, dan Indeks Volum meningkat kepada 141.4 mata pada suku tahun kedua 2023 (+33.3%).

PERKHIDMATAN

Seterusnya, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan menunjukkan peningkatan sebanyak 10.1 peratus iaitu kepada RM79.5 bilion berbanding suku sama tahun sebelumnya. Peningkatan hasil bagi segmen ini disumbangkan oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang bertumbuh sebanyak 15.8 peratus pada suku tahun kedua 2023. Subsektor Maklumat & Komunikasi pula mencatatkan peningkatan 5.7 peratus tahun ke tahun. Indeks Volum bagi segmen ini mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2 peratus dalam tempoh yang sama. Indeks Volum bagi subsektor Pengangkutan & Penyimpanan dan Maklumat & Komunikasi masing-masing meningkat sebanyak 13.3 peratus dan 3.6 peratus berbanding suku tahun kedua 2022.

Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti merekodkan nilai hasil sebanyak RM19.4 bilion (YoY: +12.5%) berbanding RM19.0 bilion (YoY:+11.4%) pada suku yang sama tahun sebelumnya. Ini terutamanya disumbangkan oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang meningkat 20.0 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2023. Seterusnya, hasil subsektor Pendidikan Swasta bertumbuh 9.4 peratus pada suku tahun kedua 2023, dengan kenaikan 9.5 peratus tahun ke tahun bagi Indeks Volum. Jumlah hasil subsektor Kesihatan Swasta meningkat sebanyak 11.4 peratus, sementara Indeks Volum pula mencatatkan peningkatan sebanyak 9.9 peratus.

Hasil bagi segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan merekodkan peningkatan sebanyak 9.9 peratus berbanding suku kedua tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh subsektor Profesional dan Hartanah yang masing-masing bertumbuh sebanyak 11.2 peratus dan 6.2 peratus.

Jadual 5: Hasil Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2023 dan ST2 2023

Segmen	Suku Tahun	Hasil (RM '000)	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2023	433,510,136	5.9
	ST1 2023	428,230,534	13.1
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2023	79,483,731	10.1
	ST1 2023	77,823,528	12.0
Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti	ST2 2023	19,430,279	12.5
	ST1 2023	18,961,228	11.4
Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan	ST2 2023	35,848,150	9.9
	ST1 2023	35,253,982	16.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Jadual 6: Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100) mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2023 dan ST2 2023

Segmen	Suku Tahun	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2023	4.6
	ST1 2023	10.0
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2023	7.2
	ST1 2023	8.4
Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan	ST2 2023	2.4
	ST1 2023	6.6
Perkhidmatan Lain	ST2 2023	10.7
	ST1 2023	12.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pendapatan e-Dagang Malaysia pada suku tahun kedua 2023 adalah RM280.5 bilion, meningkat 2.5 peratus tahun ke tahun. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-Dagang menurun sebanyak 3.8 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (**Carta 18**).

Carta 18: Pendapatan e-Dagang, ST1 2020 - ST2 2023 (RM Juta)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah pekerja dalam sektor Perkhidmatan pada suku tahun ini adalah seramai 4.4 juta orang, bertambah sebanyak 73.4 ribu orang atau 1.7 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan dan segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus dan 3.5 peratus berbanding suku tahun kedua 2022 (**Jadual 7**).

Jadual 7: Bilangan Pekerja dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2023 dan ST2 2023

Segmen	Suku Tahun	Orang	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2023	2,902,743	1.5
	ST1 2023	2,891,148	2.0
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2023	507,406	3.5
	ST1 2023	502,949	4.3
Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti	ST2 2023	399,690	1.2
	ST1 2023	399,277	1.1
Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan	ST2 2023	579,815	1.6
	ST1 2023	577,798	1.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun ini, gaji dan upah yang dibayar dalam sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 3.9 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM31.5 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang meningkat 3.0 peratus untuk merekodkan RM16.4 bilion dan segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, yang bertambah 6.0 peratus kepada RM5.2 bilion (**Jadual 8**).

PERKHIDMATAN

Jadual 8: Jumlah Gaji (RM '000) dalam Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 2023 dan ST2 2023

Segmen	Suku Tahun	Orang	YoY
Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	ST2 2023	16,405,853	3.0
	ST1 2023	16,271,884	4.1
Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan	ST2 2023	5,170,227	6.0
	ST1 2023	5,121,747	6.4
Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti	ST2 2023	3,057,959	5.0
	ST1 2023	3,027,446	4.6
Profesional, Hartanah dan Perkhidmatan Khidmat & Sokongan	ST2 2023	6,876,647	4.1
	ST1 2023	6,839,586	4.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prospek bagi Suku Tahun Ketiga 2023


Bagi suku tahun seterusnya, hasil bagi sektor Perkhidmatan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif, didorong oleh unjuran peningkatan ketibaan pelancong lantas dijangka akan menyokong aktiviti berkaitan pelancongan. Sementara itu, Indeks Volum Perkhidmatan juga dijangka kekal bertumbuh positif tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2023.

Imbangan Pembayaran

Imbangan Akaun Semasa Malaysia (CAB) mencatatkan lebih RM9.1 bilion pada suku tahun kedua 2023 (ST2 2023) berbanding RM2.9 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya (ST2 2022), didorong terutamanya oleh eksport bersih bagi akaun Barangan (**Carta 19**).

Akaun barangan merekodkan eksport bersih RM29.5 bilion pada ST2 2023, menyusut 20.1 peratus tahun ke tahun daripada RM36.9 bilion (ST2 2022). Eksport barangan berkurang kepada RM254.9 bilion (ST2 2023) daripada RM311.5 bilion pada ST2 2022. Eksport barangan disumbangkan terutamanya oleh barangan Elektrik dan elektronik (E&E), produk Petroleum dan Kimia khususnya ke Singapore, China dan United States of America (USA). Begitu juga bagi import barangan turut menurun kepada RM225.4 bilion (ST2 2023) berbanding RM274.6 bilion pada ST2 2022. Import barangan disumbangkan oleh barangan Elektrik dan elektronik (E&E), produk Petroleum dan Kimia, terutamanya dari China, Singapore dan Taiwan.

Carta 19: Akaun Semasa, 2020 - 2022 dan ST1 2020 - ST1 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih rendah pada RM11.3 bilion (ST2 2023) berbanding RM14.8 bilion (ST2 2022). Defisit ini disebabkan lebih dalam Perjalanan dan defisit yang lebih rendah dalam Pengangkutan.

Eksport perkhidmatan bernilai RM47.7 bilion, manakala import perkhidmatan merekodkan RM59.1 bilion pada ST2 2023. Perjalanan yang merupakan komponen utama dalam eksport Perkhidmatan, mencecah eksport tertinggi sebanyak RM16.3 bilion. Eksport kedua tertinggi dicatatkan oleh Perkhidmatan perniagaan lain (RM8.8 bilion), diikuti oleh Pengangkutan (RM7.8 bilion). Sementara itu, komponen utama import perkhidmatan adalah Pengangkutan (RM15.2 bilion), Perkhidmatan perniagaan lain (RM13.0 bilion) dan Perjalanan (RM12.5 bilion).

Jadual 9: Ringkasan Imbangan Pembayaran, ST2 2022 dan ST2 2023

	ST2 2023	ST2 2022
Imbangan Akaun Semasa	Lebih RM9.1b	Lebih RM2.9b
Barangan	Lebih RM29.4b	Lebih RM36.9b
Perkhidmatan	Defisit RM11.3b	Defisit RM14.8b
Pendapatan Primer	Defisit RM6.3b	Defisit RM16.2b
Pendapatan Sekunder	Defisit RM2.8b	Defisit RM2.9b
Akaun Kewangan	Aliran keluar bersih RM11.6b	Aliran keluar bersih RM0.8b
Aset Rizab (pada akhir)	RM522.0b	RM480.0b

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

SEKTOR LUARAN

Akaun Pendapatan Primer merekodkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM6.3 bilion (ST2 2023) berbanding RM16.2 bilion (ST2 2022) dalam **Jadual 9**, terutamanya disebabkan oleh bayaran yang lebih rendah RM31.1 bilion (ST2 2022: RM41.3 bilion). Pada masa yang sama, terimaan akaun ini berjumlah RM24.8 bilion (ST2 2022: RM25.0 bilion).


Sementara itu, akaun Pendapatan Sekunder mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM2.8 bilion (ST2 2023) berbanding RM2.9 bilion (ST2 2022). Defisit yang lebih rendah didorong oleh terimaan yang lebih tinggi sebanyak RM6.7 bilion (ST2 2022: RM5.5 bilion), yang meningkat lebih tinggi daripada bayaran sebanyak RM9.5 bilion (ST2 2022: RM8.5 bilion).

Prestasi Pelaburan

Pada suku tahun kedua 2023, Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.1 bilion berbanding RM18.0 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya (**Carta 20**). Asia, Africa dan Oceania merupakan rantau utama bagi FDI pada ST2 2023 dengan merekodkan aliran masuk berjumlah RM8.9 bilion (Asia), RM0.4 bilion (Africa) dan RM0.1 bilion (Oceania).

Bagi ST2 2023, FDI disalurkan terutamanya kepada sektor Perkhidmatan pada RM7.7 bilion, diikuti oleh sektor Pertanian pada RM0.1 bilion.

Carta 20: Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2020 - 2022 dan ST1 2020 - ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih

Berdasarkan kepada prinsip arah aliran, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM8.0 bilion pada ST2 2023 berbanding RM14.4 bilion (ST2 2022) dalam **Carta 21**. Penyumbang utama kepada aliran keluar adalah daripada sektor Perkhidmatan (RM8.0 bilion), diikuti oleh Pertanian (RM0.3 bilion) dan Pembinaan (RM0.2 bilion). Singapore mendahului DIA pada ST2 2023 dengan aliran keluar bersih sebanyak RM2.7 bilion, diikuti oleh Indonesia (RM1.2 bilion) dan Norway (RM1.1 bilion).

Carta 21: Aliran Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA) di Malaysia, ST1 2020 - ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar bersih

Melangkah ke hadapan, Tinjauan Ekonomi 2023 oleh Kementerian Kewangan (MoF) telah mengunjurkan bahawa CAB Malaysia pada 2023 akan merekodkan lebih RM55.2 bilion, sekali gus mengekalkan trend lebih dalam akaun semasa. Bagi komponen Perjalanan, ia dijangka menunjukkan trend yang meningkat memandangkan perbelanjaan pelawat asing di Malaysia bagi separuh pertama tahun 2023 hampir mencecah 70 peratus tahap pra-pandemik (1H 2019). Melihat kepada prestasi pelaburan Malaysia, FDI dijangka mengekalkan aliran masuk dengan potensi pelaburan baharu daripada rakan kongsi serantau seperti Japan yang berjumlah RM23.1 bilion, hasil daripada Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) yang diketuai oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) selama lima hari dari 29 Mei 2023 hingga 2 Jun 2023. Malaysia juga memperoleh pelaburan bernilai RM8.3 bilion dalam pelbagai teknologi digital semasa Minggu Teknologi London 2023, membuka era baharu pelaburan ke dalam sektor teknologi. Di samping itu, tindakan kolektif yang diambil oleh pemain industri dan kerajaan akan membantu ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan KDNK 5 hingga 6 peratus pada tahun 2023.

Perdagangan Barangan

Ekonomi global yang mencabar di samping penurunan harga komoditi utama telah memberi kesan kepada prestasi perdagangan global pada suku tahun kedua 2023. Unjuran semasa oleh *Global Trade Update* yang diterbitkan oleh UNCTAD pada 21 Jun 2023 meramalkan pertumbuhan perlahan perdagangan global bagi tempoh suku tahun ini. Unjuran ini adalah selari dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih rendah serta faktor seperti peningkatan inflasi yang berpanjangan, situasi kewangan yang mencabar serta konflik geopolitik yang berterusan. Seiring dengan itu, prestasi tahun ke tahun perdagangan Malaysia pada suku tahun kedua (ST2) 2023 merosot buat pertama kalinya sejak suku tahun ketiga 2020. Jumlah dagangan merosot 11.3 peratus daripada RM725.3 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas kepada RM643.2 bilion. Eksport menurun 11.1 peratus kepada RM348.7 bilion, manakala import menguncup 11.5 peratus kepada RM294.5 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan berkurang 8.8 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM54.1 bilion. Berbanding suku tahun pertama 2023, jumlah dagangan, eksport dan lebihan dagangan masing-masing merosot 0.2 peratus, 1.7 peratus dan 15.9 peratus, manakala import meningkat 1.5 peratus.

Jumlah dagangan Malaysia merekodkan penyusutan dua angka pada Jun 2023 dengan penurunan 16.3 peratus daripada RM265.4 bilion pada bulan yang sama tahun lepas kepada RM222.1 bilion. Eksport menguncup 14.1 peratus kepada RM124.0 bilion, manakala import merekodkan penurunan yang lebih ketara 18.9 peratus kepada RM98.2 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan meningkat 11.3 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM25.8 bilion. Berbanding Mei 2023, jumlah dagangan dan import masing-masing merosot 0.5 peratus dan 5.4 peratus, manakala eksport dan lebihan dagangan masing-masing meningkat 3.7 peratus dan 64.4 peratus.


Begitu juga, trend penurunan turut dapat dilihat bagi prestasi perdagangan Malaysia pada separuh tahun pertama 2023. Jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menyusut berbanding tempoh yang sama pada 2022 sebanyak 4.6 peratus, 4.5 peratus, 4.7 peratus dan 3.6 peratus.

SEKTOR LUARAN

Dari sudut pandangan rakan dagangan, penguncupan eksport didorong oleh European Union (EU), yang menurun RM6.8 bilion, diikuti oleh China (-RM4.7 bilion), United States of America (USA) (-RM4.5 bilion) dan Taiwan (-RM3.8 bilion). Pada masa yang sama, penguncupan import dipengaruhi oleh import yang lebih rendah dari China (-RM8.1 bilion), diikuti oleh Taiwan (-RM5.4 bilion), Indonesia (-RM5.1 bilion) dan USA (-RM4.7 bilion). Perdagangan Malaysia pada ST2 2023 dipacu terutamanya oleh China, Singapore, USA dan EU dengan jumlah sumbangan 48.0 peratus (ST2 2022: 46.7%).

Eksport barangan Malaysia pada ST2 2023 menurun 11.1 peratus tahun ke tahun kepada RM348.7 bilion daripada RM392.3 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya. Prestasi negatif ini terutamanya disumbangkan oleh penyusutan berterusan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (-RM15.5 bilion, -39.3%) dan Sarung tangan getah (-RM2.9 bilion, -50.8%) seperti di **Carta 22**. Seiring dengan itu juga, Petroleum mentah dan Gas asli cecair turut merekodkan kejatuhan buat kali pertama sejak suku tahun pertama 2021 dengan masing-masing jatuh RM2.9 bilion (-32.6%) dan RM2.8 bilion (-18.1%). Walau bagaimanapun, Barangan kemas daripada emas, perak & permata termasuk tiruan merupakan satu-satunya produk yang menunjukkan prestasi positif dalam kalangan 10 produk utama eksport pada ST2 2023 dengan peningkatan RM15.7 juta (+0.9%). Barangan elektrik & elektronik (E&E), Keluaran petroleum bertapis dan Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit kekal sebagai produk eksport utama Malaysia pada ST2 2023, dengan sumbangan agregat 58.5 peratus (ST2 2022: 56.4%).


Carta 22: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barangan Utama dan Terpilih (%), ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import turut mencatatkan trend penurunan pada ST2 2023, menyusut 11.5 peratus tahun ke tahun kepada RM294.5 bilion daripada RM333.0 bilion pada ST2 2022. Penyusutan ini didorong terutamanya oleh Barangan E&E dengan penurunan RM18.7 bilion (-18.4%), diikuti Keluaran petroleum bertapis dan Emas, bukan bentuk wang dengan kedua-duanya menunjukkan trend negatif buat kali pertama, masing-masing mencatatkan penurunan RM2.3 bilion (-6.5%) dan RM2.2 bilion (-37.3%) (**Carta 23**). Sebaliknya, Petroleum mentah dan Alat ganti & aksesori bagi traktor, motorkar & lain-lain kenderaan darat bermotor mengekalkan prestasi positif bagi lebih lima suku tahun berturut-turut, masing-masing meningkat RM5.6 bilion (+50.8%) dan RM0.7 bilion (+17.3%). Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import barangan Malaysia pada ST2 2023 dengan sumbangan kumulatif 45.1 peratus (ST2 2022: 44.5%).


Carta 23: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dengan perkembangan ekonomi global yang kian tidak menentu, perdagangan rakan dagang utama Malaysia turut mengalami penurunan pada ST2 2023 kecuali eksport Japan seperti di **Carta 24**.

Carta 24: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), ST2 2023



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

SEKTOR LUARAN


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi ST2 2023 menunjukkan jumlah dagangan menurun RM82.1 bilion atau 11.3 peratus kepada RM643.2 bilion, tahun ke tahun. Penurunan jumlah dagangan kebanyakannya disumbangkan oleh Pulau Pinang menurun sebanyak RM20.1 bilion (-10.7%). Ini diikuti oleh Johor RM19.2 bilion (-12.1%), Selangor RM14.8 bilion (-9.5%), Sarawak RM9.3 bilion (-22.1%), Sabah RM4.1 bilion (-29.9%), Perak RM4.0 bilion (-20.1%), W.P. Kuala Lumpur RM2.3 bilion (-5.6%), Kedah RM1.3 bilion (-4.1%), Pahang RM1.2 bilion (-7.4%), Negeri Sembilan RM847.8 juta (-4.8%), Terengganu RM404.6 juta (-6.9%) dan Kelantan RM80.2 juta (-4.8%). Walau bagaimanapun, jumlah dagangan meningkat di Melaka sebanyak RM2.9 bilion (+17.1%), Perlis RM49.4 juta (+7.5%) dan W.P. Labuan RM22.3 juta (+0.5%) seperti di **Paparan 1**.

Jumlah eksport bagi ST2 2023 menurun sebanyak RM43.7 bilion atau 11.1 peratus kepada RM348.7 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM12.0 bilion), Sarawak (-RM8.5 bilion), Selangor (-RM8.2 bilion), Sabah (-RM4.4 bilion), Perak (-RM2.2 bilion), Pahang (-RM1.0 bilion), Terengganu (-RM841.2 juta), Pulau Pinang (-RM215.4 juta), Kelantan (-RM75.7 juta) dan Perlis (-RM40.2 juta). Walau bagaimanapun, eksport meningkat di Kedah sebanyak RM2.1 bilion, Negeri Sembilan (+RM537.5 juta), W.P. Labuan (+RM242.5 juta), Melaka (+RM57.9 juta) dan W.P. Kuala Lumpur (+RM29.5 juta).

Seiring dengan itu, import bagi ST2 2023 turut menurun RM38.5 bilion atau 11.5 peratus kepada RM294.5 bilion. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (-RM19.9 bilion), Johor (-RM7.2 bilion), Selangor (-RM6.6 bilion), Kedah (-RM3.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (-RM2.3 bilion), Perak (-RM1.8 bilion), Negeri Sembilan (-RM1.4 bilion), Sarawak (-RM756.4 juta), W.P. Labuan (-RM220.2 juta), Pahang (-RM127.8 juta) dan Kelantan (-RM4.5 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Melaka sebanyak RM2.9 bilion, Terengganu (+RM436.6 juta), Sabah (+RM222.2 juta) dan Perlis (+RM89.5 juta).

Lima negeri terus menguasai eksport negara dengan menyumbang 82.1 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.3 peratus, diikuti oleh Johor (21.2%), Selangor (17.7%), Sarawak (7.1%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.8%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 26.9 peratus, diikuti oleh Johor (22.2%), Pulau Pinang (20.0%), W.P. Kuala Lumpur (7.3%) dan Kedah (5.1%).

Paparan 1: Eksport dan Import mengikut Negeri, ST2 2022 dan ST2 2023



▲▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau periklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Meninjau suku tahun ketiga 2023, prestasi perdagangan Malaysia terus merosot pada Julai. Jumlah perdagangan menyusut 14.4 peratus daripada RM252.8 bilion pada Julai 2022 kepada RM216.4 bilion. Eksport dilihat menurun 13.1 peratus kepada RM116.8 bilion, manakala import turut mengalami penyusutan 15.9 peratus kepada RM99.7 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan bertambah 7.9 peratus berbanding tahun sebelumnya berjumlah RM17.1 bilion. Ini menandakan lebihan dagangan bagi bulan ke-39 berturut-turut. Berbanding Jun 2023, eksport, jumlah dagangan dan lebihan dagangan masing-masing menurun 5.8 peratus, 2.7 peratus dan 33.1 peratus, manakala import meningkat 7.3 peratus.

Begitu juga, *S&P Global Malaysia Purchasing Managers' Index* (PMI) kekal berada di bawah paras neutral 50.0 mata selama sebelas bulan berturut-turut pada Julai 2023. Indeks pada Julai mencatatkan peningkatan secara marginal 0.1 mata peratusan, meningkat kepada 47.8 mata daripada 47.7 mata. Ini menunjukkan senario yang tidak menentu secara berterusan bagi sektor pembuatan Malaysia, yang merupakan sektor perdagangan terbesar negara.

Tambahan pula, prestasi perdagangan Malaysia turut merosot sepanjang tujuh bulan pertama 2023. Jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan masing-masing menyusut dengan 6.1 peratus, 5.9 peratus, 6.5 peratus dan 2.5 peratus berbanding tempoh yang sama 2022. Prestasi kurang memberangsangkan ini memberi gambaran awal tentang situasi sukar di sebalik unjuran pertumbuhan perlahan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi prestasi perdagangan Malaysia pada tahun ini. Anggaran menunjukkan peningkatan secara marginal eksport dan import, masing-masing 1.6 peratus dan 1.1 peratus.

Berdasarkan *World Trade Statistical Review 2023* oleh *World Trade Organization* yang diterbitkan pada 31 Julai 2023, tinjauan perdagangan bagi tempoh berbaki pada 2023 diramalkan akan terus mencabar. Unjuran ini telah mengambil kira ketegangan geopolitik yang berlarutan, kebimbangan terhadap keterjaminan makanan dan bahan api, peningkatan risiko ketidakstabilan kewangan dan kadar hutang luar negeri yang tinggi.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

SENARIO BURUH

Senario Buruh


Pemulihan ekonomi global pada masa kini berdepan dengan cabaran daripada inflasi teras yang berterusan, kenaikan kadar faedah dan pencerobohan Russia ke atas Ukraine. Kesannya, International Monetary Fund (IMF) telah menyesuaikan ramalan pertumbuhan ekonomi global yang dijangka mengalami perkembangan yang lebih perlahan, daripada anggaran 3.5 peratus pada tahun 2022 kepada 3.0 peratus pada tahun 2023 dan 2024. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan ramalan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2023, dijangkakan antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus, yang disokong oleh permintaan domestik.

Sementara itu, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar sederhana iaitu 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023, didorong oleh sektor Pembinaan (6.2%), Perkhidmatan (4.7%) dan Pembuatan (0.1%). Namun begitu, pertumbuhan ini telah dipengaruhi oleh kesan asas yang tinggi dan prestasi lemah sektor Pertanian (-1.1%) dan Perlombongan & pengkuarian (-2.3%), kedua-duanya terjejas oleh keadaan cuaca yang tidak baik dan penyelenggaraan loji semasa suku tahun rujukan. Walaupun merekodkan pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana, keadaan pasaran tenaga kerja kekal stabil dalam ST2 2023, berikutan bekalan tenaga kerja dan permintaan yang terus meningkat walaupun pada kadar sederhana.

Penawaran Buruh

Penawaran buruh terus meningkat pada ST2 2023 dengan bilangan penduduk bekerja terus menunjukkan trend yang positif dengan pertambahan 0.5 peratus kepada 16.15 juta orang (ST1 2023: 16.06 juta orang). Seterusnya, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi dalam mewujudkan pekerjaan menokok sebanyak 0.2 mata peratus kepada 67.5 peratus (ST1 2023: 67.3%). Bagi perbandingan tahun ke tahun, bilangan penduduk bekerja terus meningkat sebanyak 2.8 peratus atau 444.9 ribu orang berbanding suku tahun kedua tahun lepas (ST2 2022: 15.70 juta orang) (**Carta 25**).


Carta 25: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, ST1 2020 - ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, penduduk bekerja yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu meningkat 2.3 peratus kepada 280.4 ribu orang pada suku tahun ini (ST1 2023: 274.2 ribu orang). Seterusnya, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup menerima tambahan jam bekerja meningkat kepada 186.3 ribu orang pada suku tahun kedua 2023 dengan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa meningkat kepada 1.2 peratus (ST1 2023: 174.6 ribu orang; 1.1%) (**Carta 26**).


Carta 26: Penduduk Bekerja Kurang dari 30 Jam Seminggu dan Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa, ST1 2020 - ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang meliputi mereka yang bekerja dalam jawatan yang lebih rendah daripada kelayakan pendidikan yang diperolehi, meningkat 7.4 ribu orang untuk mencatatkan 1.91 juta orang. Seiring dengan ini, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran dalam kalangan penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar kekal pada 37.4 peratus pada ST2 2023 (ST1 2023: 1.91 juta orang; 37.4%) (Carta 27).

Carta 27: Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran, ST1 2020 – ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada situasi pengangguran, bilangan penganggur pada ST2 2023 terus menurun kepada 581.4 ribu orang, dengan penyusutan 0.9 peratus berbanding suku tahun sebelumnya (ST1 2023: 586.9 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran pada suku tahun ini kekal pada 3.5 peratus berbanding suku tahun lepas. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, kadar pengangguran menurun sebanyak 0.4 mata peratus pada ST2 2023 (ST2 2022: 3.9%; 642.0 ribu orang) (Carta 28).

SENARIO BURUH

Carta 28: Penganggur dan Kadar Pengangguran, ST1 2020 – ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan Buruh

Dari sudut permintaan buruh, bilangan jawatan pada ST2 2023 meningkat 2.4 peratus kepada 8.83 juta jawatan, peningkatan sebanyak 208 ribu jawatan berbanding 8.62 juta jawatan pada ST2 2022. Perbandingan secara suku tahunan, bilangan jawatan meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 0.2 peratus, dengan penambahan sebanyak 21.1 ribu jawatan. Sementara itu, bilangan jawatan diisi adalah sebanyak 8.64 juta dengan kadar jawatan diisi sebanyak 97.9 peratus. Pada ketika itu, terdapat 190 ribu kekosongan jawatan dengan kadar kekosongan jawatan sebanyak 2.1 peratus (ST2 2022: 191 ribu) (**Carta 29**).

Carta 29 Jawatan dan Kadar Jawatan Diisi & Kekosongan, ST1 2020 – ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan mendominasi jumlah jawatan pada ST2 2023 pada 51.8 peratus (4.58 juta), diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 27.5 peratus (2.43 juta) dan sektor Pembinaan dengan 14.3 peratus (1.26 juta). Baki jawatan adalah dalam sektor Pertanian (5.5%; 482 ribu) dan Perlombongan & pengkuarian (0.9%; 80 ribu). Sektor Perkhidmatan mencatatkan bilangan jawatan diisi tertinggi, dengan peratus sumbangan sebanyak 52.7 peratus (4.55 juta). Sementara itu, kekosongan jawatan didominasi oleh sektor Pembuatan dengan peratus sumbangan sebanyak 56.9 peratus (108 ribu), diikuti oleh Pertanian (16.3%, 31 ribu) dan Perkhidmatan (14.1%; 27 ribu).

Pada ST2 2023, majoriti jawatan diisi adalah pada kategori separuh mahir iaitu sebanyak 62.5 peratus (5.40 juta), diikuti oleh kategori mahir (25.0%; 2.16 juta) dan kategori berkemahiran rendah (12.5%; 1.08 juta) **(Carta 30)**


Carta 30: Jawatan Diisi mengikut Kemahiran, ST1 2020 – ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari sudut kekosongan jawatan, 55.2 peratus kekosongan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir dengan 104.7 ribu kekosongan jawatan pada ST2 2023, diikuti oleh kategori mahir (25.9%; 49 ribu) dan kategori berkemahiran rendah (18.9%; 35.8 ribu) **(Carta 31)**.

Carta 31: Kekosongan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2020 – ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ST2 2023 merekodkan sejumlah 31.9 ribu pewujudan jawatan berbanding 29.4 ribu pada ST2 2022. Mengikut kategori kemahiran, pewujudan jawatan terbesar adalah pada kategori separuh mahir dengan 59.6 peratus (19.0 ribu), diikuti oleh kategori mahir dengan 29.4 peratus (9.4 ribu) **(Carta 32)**

SENARIO BURUH

Carta 32: Pewujudan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2020 – ST2 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti Buruh

Pada suku tahun kedua 2023, produktiviti buruh Malaysia yang dianggarkan dari segi nilai ditambah per jam bekerja, menunjukkan penurunan 1.1 peratus tahun ke tahun dengan mencatatkan RM40.60 per jam berbanding RM41.10 per jam direkodkan pada ST2 2022. Sementara itu, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 4.0 peratus bersamaan 359.3 juta jam, merekodkan 9.30 bilion jam (**Carta 33**). Dari sudut sektor ekonomi, produktiviti buruh per jam bekerja bagi semua sektor merekodkan penurunan tahun ke tahun kecuali sektor Pembinaan dan Perkhidmatan masing-masing merekodkan peningkatan 3.5 peratus dan 0.1 peratus.


Carta 33: Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, ST1 2020 – ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada produktiviti buruh per pekerja, data menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.02 peratus kepada RM23,407 per pekerja pada suku tahun kedua 2023. Ini berbanding dengan RM23,718 yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya (**Carta 34**). Dari segi sektor ekonomi, sektor Pembinaan dan Perkhidmatan menunjukkan perkembangan tahun ke tahun yang positif dalam produktiviti buruh per pekerja masing-masing dengan 5.2 peratus dan 1.0 peratus, manakala sektor lain menunjukkan pertumbuhan negatif.

Carta 34: Produktiviti Buruh per Pekerja, ST1 2020 – ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran buruh Malaysia mengekalkan trend menaik pada ST2 2023, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, seterusnya mengekalkan permintaan buruh yang lebih tinggi dan membawa kepada pengurangan kadar pengangguran. Momentum positif dalam pertumbuhan pekerjaan menyumbang kepada peningkatan tahun ke tahun yang menunjukkan komitmen negara terhadap kemajuan. Melihat kepada permintaan buruh mengikut industri, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat pada ST2 2023, walaupun terdapat sedikit penurunan peluang pekerjaan seperti yang ditunjukkan oleh jumlah kekosongan jawatan dalam suku tahun tersebut. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut menunjukkan peningkatan sejumlah besar pekerjaan baharu berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, melepasi purata pewujudan jawatan sebelum pandemik COVID-19. Bagi kecekapan pasaran buruh, produktiviti buruh yang dikira dari segi nilai ditambah per pekerja, kekal stabil pada ST2 2023. Namun, bagi nilai ditambah per jam bekerja, terdapat penurunan dalam produktiviti buruh, menunjukkan potensi penurunan dalam keseluruhan kecekapan pasaran buruh.


Memasuki ST3 2023, ekonomi Malaysia dijangka berkembang secara sederhana didorong oleh tadbir urus yang lebih baik, peningkatan keyakinan pengguna dan peningkatan dalam perniagaan tempatan. Ini sejajar dengan senario yang berlaku di peringkat global, apabila IMF meramalkan bahawa ekonomi dunia akan berkembang sebanyak 3.0 peratus pada tahun 2023. BNM mengekalkan ramalan pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada tahun 2023, dirangsang oleh permintaan domestik dan aktiviti pelancongan yang mampan. Selepas mencatatkan prestasi yang lebih baik dalam suku tahun pertama 2023, momentum pasaran buruh dijangka akan terus mengekalkan pertumbuhan stabil dalam suku tahun akan datang, disokong oleh pembangunan ekonomi yang berterusan, inisiatif kerajaan dan pelaburan berkualiti yang akan menghasilkan pekerjaan berkualiti tinggi dengan upah yang tinggi. Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk kepada pelbagai cabaran global dan domestik yang berkait dengan situasi luar kebiasaan yang mungkin timbul pada masa depan.

Indeks Harga Pengguna

Pada Jun 2023, inflasi Malaysia mereda kepada 2.4 peratus, menandakan kadar inflasi terendah dalam enam bulan pertama tahun ini (**Carta 35**). Peningkatan perlahan inflasi di Malaysia telah disumbang oleh peningkatan lebih rendah pada Jun 2023 bagi kumpulan Restoran & Hotel, 5.4 peratus (Mei 2023: 6.7%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 4.7 peratus (Mei 2023: 5.9%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 2.3 peratus (Mei 2023: 2.7%).

Selain itu, kenaikan inflasi di Malaysia turut didorong oleh kenaikan kumpulan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.6%); Kesihatan (2.0%); Pendidikan (1.9%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan masing-masing meningkat sebanyak 1.8 peratus dan 1.6 peratus. Manakala kedua-dua Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut masing-masing meningkat perlahan sebanyak 0.6 peratus dan 0.1 peratus berbanding Jun 2022.

Carta 35: IHP Keseluruhan, Restoran & Hotel dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Januari 2022 – Jun 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi Pengangkutan bagi Jun 2023, kekal tidak berubah berbanding Jun 2022. Subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan dan Pembelian kenderaan masing-masing meningkat sebanyak 5.2 peratus dan 1.9 peratus. Namun begitu, penurunan inflasi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian sebanyak negatif 0.6 peratus, mengimbangi sebahagian kesan inflasi daripada kenaikan kumpulan ini.

Penurunan subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan Bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian kepada negatif 3.8 peratus berbanding negatif 2.4 peratus pada Mei 2023. Tambahan pula, penurunan harga minyak Petrol tanpa plumbum RON97 kepada negatif 29.4 peratus pada bulan Jun 2023 (RM3.37 seliter) berbanding Jun 2022 (RM4.77 seliter) merupakan penyumbang kepada penurunan kelas perbelanjaan ini (**Carta 36**).

Carta 36: Purata Harga Bahan Api, Januari 2022 – Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) merekodkan peningkatan yang lebih perlahan iaitu 4.7 peratus berbanding Mei 2023 (5.9%). Sebanyak 190 daripada 230 item makanan atau 82.6 peratus telah merekodkan kenaikan harga berbanding Jun 2022. Komponen Makanan di rumah yang menyumbang 57.4 peratus daripada wajaran kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan lebih rendah untuk empat bulan berturut-turut kepada 3.2 peratus berbanding 4.3 peratus pada Mei 2023 (**Jadual 10**).


Jadual 10: Perubahan Peratus Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Jun 2023

Kumpulan Utama	Wajaran	Tahun ke Tahun (%) Jun 2023
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	4.7
Makanan	28.4	4.7
Makanan Di Rumah	16.9	3.2
Beras, Roti & Bijirin Lain	3.5	5.3
Daging	2.5	5.2
Ikan & Makanan Laut	4.0	1.6
Susu, Keju & Telur	1.5	6.0
Minyak & Lemak	0.6	-0.9
Buah-buahan	1.2	2.9
Sayur-sayuran	2.1	-1.6
Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan	0.6	3.6
Keluaran Makanan t.t.t.l.	1.0	7.1
Makanan Di Luar Rumah	11.5	6.8
Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol	1.1	4.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, inflasi bagi suku tahun kedua 2023 meningkat 2.8 peratus kepada 130.2 berbanding 126.6 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahunan pula, inflasi meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (**Carta 37**). Inflasi Malaysia pada Julai 2023 menyederhana kepada 2.0 peratus dengan mata indeks direkodkan pada 130.5 berbanding 127.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Carta 37: Indeks Harga Pengguna, Tahun ke Tahun (%), ST1 2022 – ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mulai 1 Julai 2023, kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan sokongan kepada pengeluar ayam dan telur, bertujuan untuk menstabilkan harga komoditi tersebut. Di samping itu, penurunan berterusan harga minyak mentah global secara langsung mempengaruhi kos runcit Petrol Tanpa Plumbum RON97. Seterusnya, keadaan ini dijangka akan mempengaruhi secara sederhana kadar inflasi Malaysia bagi bulan Julai 2023.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus menurun sebanyak negatif 4.8 peratus pada Jun 2023 berbanding negatif 4.6 peratus pada Mei 2023.

Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus turun selama enam bulan berturut-turut pada tahun 2023, mencatatkan negatif 20.4 peratus (berbanding Mei 2023: -27.2%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Buah tandan segar kelapa sawit sebanyak negatif 34.4 peratus pada Jun 2023. Sektor Perlombongan merosot negatif 16.6 peratus (berbanding Mei 2023: -10.7%), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan petroleum mentah sebanyak 23.3 peratus. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan juga mencatatkan penurunan 1.8 peratus. Dalam sektor Pembuatan, Indeks Pembuatan produk makanan jatuh 9.9 peratus manakala indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal meningkat 7.5 peratus, menyumbang kepada pergerakan perlahan sektor Pembuatan. Bagi sektor utiliti, kedua-dua indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 3.2 peratus dan 1.0 peratus.

Pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan menurun 0.3 peratus pada Jun 2023 (berbanding Mei 2023: -0.4%). Sektor Perlombongan merosot 1.6 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-0.8%) dan Pengekstrakan gas asli (-3.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menurun sebanyak 1.0 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-2.2%). Sebaliknya, indeks sektor Pembuatan tidak berubah pada Jun 2023. Bagi sektor utiliti pula, indeks Bekalan air naik 0.9 peratus manakala indeks Bekalan elektrik & gas turun 0.6 peratus (**Jadual 10**).


Jadual 10: Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Jun 2022, Mei 2023 dan Jun 2023

Sektor	Kod	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus (%)					
				Tahun ke Tahun			Bulan ke Bulan		
				Jun 2023	Jun 2022	Mei 2023	Jun 2023	Jun 2022	Mei 2023
JUMLAH		100.00	118.1	10.9	-4.6	-4.8	-0.1	-0.4	-0.3
Pertanian, perhutanan & perikanan	A	6.73	126.3	18.1	-27.2	-20.4	-9.5	-0.7	-1.0
Perlombongan	B	7.93	93.1	17.5	-10.7	-16.6	5.4	-2.5	-1.6
Pembuatan	C	81.57	120.4	10.0	-1.1	-1.8	0.7	-0.2	0.0
Bekalan elektrik & gas	D	3.44	117.9	-0.2	1.2	1.0	-0.4	0.6	-0.6
Bekalan air	E	0.33	118.4	2.1	3.0	3.2	0.7	-0.1	0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun Kedua 2023, IHPR pengeluaran tempatan terus menurun sebanyak 4.1 peratus (berbanding ST1 2023: -0.8%). Penurunan ini didorong oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (-24.6%), Perlombongan (-10.8%) dan Pembuatan (-1.0%). Sebaliknya, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat sebanyak 3.2 peratus dan 0.8 peratus. Seterusnya, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan bahawa IHPR Pengeluaran Tempatan menurun marginal 0.1 peratus (berbanding ST1 2023: -0.8%).


Carta 38: Indeks Harga Pengeluar Pengeluaran Tempatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2022 - ST2 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun sebanyak 18.7 peratus pada Jun 2023 (berbanding Mei 2023: -20.1%), dengan indeks Bahan bukan makanan mencatatkan negatif 22.9 peratus. Indeks Bahan perantara, bekalan & komponen juga mencatatkan negatif 2.8 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Bahan & komponen untuk pembuatan (-6.6%) dan Bahan api yang diproses & pelincir (-3.3%). Sementara itu, indeks Barang siap naik 3.3 peratus, disebabkan oleh Kelengkapan modal (4.4%) dan Barangan pengguna siap (2.0%).

Carta 39: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan, Tahun ke Tahun (%), Januari 2022 – Jun 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

IHPR Jun 2023 terus turun kepada negatif 4.8 peratus berbanding negatif 4.6 peratus pada Mei 2023. Penurunan ini disebabkan oleh sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (-20.4%), Perlombongan (-16.6%) dan Pembuatan (-1.8%). Sebagai gambaran bagi separuh tahun pertama 2023, IHPR Malaysia menurun 2.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Berbeza dengan enam bulan awal 2022, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengalami lonjakan dua angka yang ketara sebanyak 10.6 peratus. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan harga komoditi, yang mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi global yang berterusan. Sementara itu, PPI Malaysia merosot 2.3 peratus pada Julai 2023.

Inflasi global terus mereda dalam beberapa bulan kebelakangan ini, namun kekal lebih tinggi berbanding 2019. Ekonomi China semakin perlahan dan terdapat ancaman deflasi berikutan kejatuhan harga. The Federal Reserve, United States of America menaikkan kadar dana persekutuan 25 mata asas lagi dalam usaha membendung inflasi. Tinjauan ekonomi global telah bertambah baik apabila peningkatan harga semakin perlahan dan aktiviti ekonomi terus berkembang.

Ekonomi Malaysia berkembang 2.9 peratus pada ST2 2023, namun pada kadar yang lebih perlahan berbanding ST1 2023. Ini disebabkan oleh prestasi yang kurang memberangsangkan oleh sektor Pembuatan, Perlombongan dan kuari serta Pertanian. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sederhana dalam sektor Perkhidmatan dan Pembinaan membantu mengimbangi penurunan ini. Imbangan Akaun Semasa (CAB) melonjak kepada RM9.1 bilion pada ST2 2023, daripada RM4.3 bilion pada ST1 2023. Ini disebabkan oleh defisit yang lebih rendah dalam Akaun Pendapatan Primer dan Perkhidmatan. Akaun Barangan mencatatkan lebih RM29.5 bilion, berbanding RM27.0 bilion pada ST1 2023.

Permintaan antarabangsa yang menyederhana memberi kesan negatif terhadap prestasi sektor luaran pada ST2 2023. Semua komponen perdagangan menunjukkan penurunan berbanding ST2 2022. Jumlah perdagangan, eksport, import dan imbangan perdagangan masing-masing menguncup 11.3 peratus, 11.1 peratus, 11.5 peratus dan 9.2 peratus.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) mencatatkan pertumbuhan negatif 0.3 peratus pada ST2 2023, daripada 2.9 peratus pada ST1 2023. Ini didorong oleh penurunan oleh sektor Perlombongan (-2.8%), manakala sektor Elektrik (2.8%) menunjukkan aliran menaik. Nilai jualan sektor Pembuatan menurun 1.0 peratus pada ST2 2023, selepas mencatatkan pertumbuhan positif untuk sebelas (11) suku tahun berturut-turut.

Sektor Perkhidmatan, penyumbang terbesar kepada ekonomi, mencatatkan pertumbuhan satu angka 6.9 peratus pada ST2 2023, terendah sejak ST1 2022 (10.6%). Ini disebabkan oleh pertumbuhan dua angka oleh subsektor Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, serta subsektor Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-Lain Aktiviti, masing-masing dengan 10.1 peratus dan 12.5 peratus. Sementara itu, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit mencatatkan pertumbuhan sederhana 5.9 peratus (ST1 2023: 13.1%) dan Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan meningkat 9.9 peratus (ST1 2023: 16.5%).

Sementaraitu, IHP pada suku tahun kedua 2023 meningkat 2.8 peratus kepada 130.2, meningkat daripada 126.6 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Inflasi meningkat 0.4 mata peratus pada asas suku tahun berbanding dengan suku pertama tahun 2023. Penurunan berterusan harga minyak mentah global telah memberi kesan langsung kepada runcit harga Petrol Tanpa Plumbum RON97. Akibatnya, kadar inflasi Malaysia bagi Julai 2023 dipengaruhi secara sederhana. Kadar inflasi Malaysia pada Julai 2023 jatuh kepada 2.0 peratus, dengan mata indeks dilaporkan pada 130.5, berbanding kepada 127.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Meninjau senario buruh, pasaran buruh Malaysia mengekalkan aliran menaik pada ST2 2023, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, pada masa yang sama mengekalkan permintaan yang lebih tinggi terhadap tenaga kerja dan membawa kepada pengurangan dalam pengangguran. Momentum positif dalam pertumbuhan guna tenaga menyumbang kepada pengembangan tahun ke tahun tenaga buruh, menggariskan komitmen negara untuk maju. Melihat kepada permintaan tenaga kerja mengikut industri, bilangan pekerjaan dalam sektor ekonomi meningkat pada ST2 2023, namun terdapat sedikit penurunan dalam bilangan pekerjaan, seperti yang ditunjukkan oleh kekosongan pekerja pada suku tahun tersebut. Ekonomi Malaysia dijangka bertumbuh secara sederhana pada ST3 2023 kesan daripada tadbir urus yang lebih kukuh, meningkatkan keyakinan pengguna dan keadaan perniagaan yang lebih baik. Ini seiring dengan senario yang sedang berlaku di seluruh dunia, dengan IMF meramalkan pertumbuhan global 3.0 peratus pada 2023. BNM mengekalkan ramalan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2023, disokong oleh permintaan domestik dan aktiviti pelancongan yang kukuh.

Meninjau ke hadapan, sektor perdagangan luar negeri dan pembuatan dijangka menghadapi cabaran berikutan kelembapan permintaan yang disebabkan oleh ketegangan geopolitik, yang turut menyebabkan ketidakpastian dalam pasaran bahan api dan makanan. Bagaimanapun, sektor perkhidmatan, yang didorong oleh aktiviti berkaitan pelancongan, akan memberikan sedikit suntikan baru kepada ekonomi. Pendirian neutral oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang terkini pada Julai 2023 juga dijangka meningkatkan perbelanjaan pengguna pada beberapa bulan akan datang.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



INDIKATOR EKONOMI

INDIKATOR (Nilai)	2022												2023		SUMBER DATA				
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Oktr	Nov	Dis	Jan	Feb		Mar	Apr	Mei	Jun
1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR	RM Juta																		
1.1 Harga Malar 2015	-																		
2.0 KOMODITI	-																		
2.1 GETAH	-																		
2.1.1 Pengeluaran	-																		
2.1.2 Harga	-																		
- Getah	31,083.1	37,843.0	37,666.8	35,460.0	31,795.2	28,047.5	30,555.9	29,450.8	27,208.6	27,188.5	23,480.2	24,126.1	29,867.0	29,867.0	29,867.0	29,867.0	29,867.0	29,867.0	Jabatan Perangkaan Malaysia
- SMR 20	7.10	6.93	6.58	5.99	6.03	5.80	5.86	5.96	6.03	5.93	5.93	5.93	6.08	6.08	6.08	6.08	6.08	6.08	Lembaga Getah Malaysia
- Sekerap	5.82	5.66	5.33	4.66	4.71	4.43	4.61	4.75	4.75	4.69	4.69	4.78	4.82	4.82	4.82	4.82	4.82	4.82	Lembaga Getah Malaysia
- Getah Cair	7.31	6.00	5.67	5.16	5.03	5.05	4.82	5.04	5.33	5.32	5.39	5.23	5.24	5.24	5.24	5.24	5.24	5.24	Lembaga Getah Malaysia
- Latex Pelat	6.33	5.32	5.15	4.77	4.96	4.73	4.70	5.02	5.39	5.30	4.95	4.89	4.99	4.99	4.99	4.99	4.99	4.99	Lembaga Getah Malaysia
2.1.3 Eksport	-																		
- Getah Asli [#]	58,684.6	53,751.9	60,169.9	54,541.9	41,547.4	50,927.0	48,038.4	40,867.3	48,393.4	45,788.6	37,728.3	37,062.3	48,656.9	48,656.9	48,656.9	48,656.9	48,656.9	48,656.9	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.2 KELAPA SAWIT	-																		
2.2.1 Eksport	-																		
- Produk Kelapa Sawit	1,871,372.0	2,065,379.0	2,069,909.0	2,196,693.0	2,368,076.0	2,279,779.0	2,285,927.0	1,891,063.0	1,897,821.0	1,897,821.0	1,776,413.0	1,768,154.0	1,807,065.0	1,807,065.0	1,807,065.0	1,807,065.0	1,807,065.0	1,807,065.0	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
- Minyak Sawit	1,193,917.0	1,321,343.0	1,298,194.0	1,419,235.0	1,505,769.0	1,519,031.0	1,473,846.0	1,136,027.0	1,126,127.0	1,126,127.0	1,097,541.0	1,079,020.0	1,171,741.0	1,171,741.0	1,171,741.0	1,171,741.0	1,171,741.0	1,171,741.0	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
- Minyak Isirong Sawit	92,130.0	76,689.0	101,363.0	88,001.0	94,894.0	78,752.0	134,452.0	62,102.0	59,886.0	59,886.0	84,307.0	93,804.0	64,819.0	64,819.0	64,819.0	64,819.0	64,819.0	64,819.0	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
2.3 PETROLEUM MENTAH	-																		
2.3.1 Harga	-																		
- Minyak Mentah, Brent	120.08	108.92	98.60	90.16	93.13	91.07	80.90	83.09	82.71	78.53	84.11	75.70	74.89	74.89	74.89	74.89	74.89	74.89	World Bank
- Minyak Mentah, WTI	114.59	99.85	91.57	83.87	87.26	84.78	76.52	78.11	76.94	73.37	79.44	71.59	70.23	70.23	70.23	70.23	70.23	70.23	World Bank
2.3.2 Eksport	-																		
- Petroleum Mentah [#]	836.0	656.3	807.9	787.5	787.6	736.6	576.8	615.6	781.5	1,002.5	537.0	889.5	637.5	637.5	637.5	637.5	637.5	637.5	Jabatan Perangkaan Malaysia
- Produk Petroleum [#]	4,722.2	4,868.5	5,261.2	4,125.5	4,696.1	3,281.5	3,419.2	3,416.6	3,566.3	3,639.6	3,379.7	4,263.6	4,119.1	4,119.1	4,119.1	4,119.1	4,119.1	4,119.1	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.3.3 Import	-																		
- Petroleum Mentah [#]	884.7	1,148.6	1,770.4	1,736.9	2,149.5	1,378.5	1,230.5	1,529.3	1,925.4	1,570.9	1,166.7	1,902.3	2,625.8	2,625.8	2,625.8	2,625.8	2,625.8	2,625.8	Jabatan Perangkaan Malaysia
- Produk Petroleum [#]	4,216.9	3,411.3	4,791.5	2,831.9	3,480.9	2,712.4	2,970.7	2,528.0	3,509.4	3,077.5	3,338.9	3,677.8	3,141.3	3,141.3	3,141.3	3,141.3	3,141.3	3,141.3	Jabatan Perangkaan Malaysia
2.4 GAS ASLI CECAIR (LNG)	-																		
2.4.1 Eksport	-																		
- Gas Asli Cecair [#]	2,500.1	2,288.4	2,340.1	2,117.2	2,386.9	2,172.8	2,405.6	2,643.8	2,258.4	2,482.6	1,809.0	2,486.2	1,753.6	1,753.6	1,753.6	1,753.6	1,753.6	1,753.6	Jabatan Perangkaan Malaysia
3.0 SEKTOR	-																		
3.1 PEMBUATAN	-																		
3.1.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	145.2	136.9	144.5	146.1	143.4	144.4	142.6	137.9	132.4	142.8	126.5	135.4	142.8	142.8	142.8	142.8	142.8	142.8	Jabatan Perangkaan Malaysia
3.1.2 Jualan	153,003,099.3	148,431,289.1	157,436,449.9	161,693,946.2	158,863,549.1	159,186,678.8	156,524,349.2	148,010,388.8	145,218,913.4	156,194,371.6	144,991,070.4	146,799,216.5	147,427,441.0	147,427,441.0	147,427,441.0	147,427,441.0	147,427,441.0	147,427,441.0	Jabatan Perangkaan Malaysia
3.1.3 Eksport [#]	120,187,151.8	112,261,126.5	119,468,226.6	122,156,752.7	111,534,122.0	109,718,778.6	110,376,693.9	94,803,464.3	95,400,174.1	108,912,154.6	90,856,831.0	102,000,525.7	108,780,445.4	108,780,445.4	108,780,445.4	108,780,445.4	108,780,445.4	108,780,445.4	Jabatan Perangkaan Malaysia
3.2 PEMBINAAN	-																		
Pengeluaran Lesen Penjual, Permit Jualan dan Iklan	54	58	73	43	114	125	112	125	127	207	126	147	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	Jabatan Perumahan Negara
3.2.1 Perumahan (Permit Baru)	94	47	164	253	98	63	99	118	217	105	60	109	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	Jabatan Perumahan Negara
Pengeluaran Lesen Penjual, Permit Jualan dan Iklan	3,980.20	3,742.40	3,702.80	3,647.25	3,537.85	3,502.45	3,456.90	3,456.90	3,507.84	3,497.00	3,514.50	3,514.50	3,468.80	3,468.80	3,468.80	3,468.80	3,468.80	3,468.80	Kementerian Kerja Raya
3.2.3 Harga	19.00	18.62	18.68	18.80	18.41	18.56	18.87	19.23	19.64	20.41	20.96	22.01	22.03	22.03	22.03	22.03	22.03	22.03	Kementerian Kerja Raya
- Kallu	-																		
- Simen	-																		
3.3 PERLOMBONGAN DAN PENGKUIRAN	-																		
3.3.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	83.6	90.8	89.4	92.8	94.5	97.8	98.8	100.5	90.9	98.6	88.1	94.8	87.5	87.5	87.5	87.5	87.5	87.5	Jabatan Perangkaan Malaysia
3.4 UTILITI	-																		
3.4.1 Elektrik	-																		
- Penjualan Tempatan	14,319.3	14,781.1	14,742.2	14,084.7	14,366.7	13,883.2	14,004.4	13,888.5	12,942.3	14,711.5	14,229.1	15,551.9	14,722.3	14,722.3	14,722.3	14,722.3	14,722.3	14,722.3	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengkualen Tenaga Bebas
a. Pemasangan Awam ^p	187.8	188.6	188.5	188.7	188.7	188.4	189.8	190.8	186.3	188.7	188.3	189.5	185.4	185.4	185.4	185.4	185.4	185.4	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengkualen Tenaga Bebas
b. Pemasangan Swasta ^p	-																		

Nota
p. awalan
1. data terkini sehingga Mei 2023
data Provisional berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Jun 2023
n.a. tidak tersedia
- tidak bertenaan

1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR	2022												2023			SUMBER DATA
	Jun	Jul	Ogos	Sep	Oktr	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun			
1.1 Harga Malar 2015	16.3	16.1	15.6	10.9	7.3	4.5	9.6	4.6	6.6	5.7	0.7	5.6	2.4	Jabatan Perangkaan Malaysia		
2.0 KOMODITI																
2.1 GETAH																
2.1.1 Pengeluaran																
- Getah	-19.9	-22.1	-12.3	-13.9	-26.3	-8.0	-26.7	-39.3	-2.7	10.8	3.4	15.7	-3.9	Jabatan Perangkaan Malaysia		
2.1.2 Harga																
- SMR 20	6.2	2.1	-8.4	-10.4	-15.6	-19.7	-17.8	-18.8	-18.5	-18.0	-17.5	-13.7	-14.3	Lembaga Getah Malaysia		
- Setekap	6.3	3.3	-9.7	-13.4	-18.5	-24.4	-21.0	-23.1	-21.8	-20.7	-20.7	-15.5	-17.2	Lembaga Getah Malaysia		
- Getah Cair	8.9	9.8	-2.4	-7.9	-12.2	-17.0	-21.1	-19.8	-23.4	-22.4	-23.6	-30.2	-29.8	Lembaga Getah Malaysia		
- Latexes Pekat	12.1	7.7	-1.4	-4.1	-10.5	-14.6	-12.8	-12.2	-18.2	-22.4	-25.7	-27.1	-21.3	Lembaga Getah Malaysia		
2.1.3 Eksport																
- Getah Asli [#]	20.8	10.5	1.7	-12.5	-33.2	-16.4	4.5	-20.1	2.1	-14.1	-35.6	-14.2	-16.7	Jabatan Perangkaan Malaysia		
2.2 KELAPA SAWIT																
2.2.1 Eksport																
- Produk Kelapa Sawit	-15.6	-0.9	5.9	-10.0	9.0	-2.7	6.6	1.6	2.8	16.5	-0.2	-16.7	-3.4	Lembaga Minyak Sawit Malaysia		
- Minyak Sawit	-15.8	-5.8	11.2	-11.9	6.0	3.2	3.5	-1.7	1.3	16.1	1.8	-21.2	-1.9	Lembaga Minyak Sawit Malaysia		
- Minyak Isirong Sawit	17.6	-32.2	18.8	5.0	0.6	-36.0	42.5	-22.1	5.6	21.8	14.5	15.1	-29.6	Lembaga Minyak Sawit Malaysia		
2.3 PETROLEUM MENTAH																
2.3.1 Harga																
- Minyak Mentah, Brent	64.3	46.4	40.8	20.9	11.3	12.8	8.9	-2.9	-13.6	-32.1	-20.5	-32.6	-37.6	World Bank		
- Minyak Mentah, WTI	60.5	37.8	35.2	17.2	7.3	7.1	7.0	-6.0	-16.2	-32.4	-21.9	-34.7	-38.7	World Bank		
2.3.2 Eksport																
- Petroleum Mentah [#]	5.2	-1.5	23.8	3.5	29.3	35.8	5.0	-3.5	43.1	1.2	-32.9	17.3	-23.8	Jabatan Perangkaan Malaysia		
- Produk Petroleum [#]	31.6	10.8	100.1	11.0	37.3	-0.9	59.8	65.4	60.8	64.3	56.0	56.5	-12.8	Jabatan Perangkaan Malaysia		
2.3.3 Import																
- Petroleum Mentah [#]	114.2	13.2	388.4	164.0	817.8	155.8	455.1	175.6	894.7	-31.6	-19.7	189.2	219.4	Jabatan Perangkaan Malaysia		
- Produk Petroleum [#]	18.8	8.1	145.9	-6.3	4.8	-11.3	51.3	15.1	34.6	33.0	68.0	52.9	-25.5	Jabatan Perangkaan Malaysia		
2.4 GAS ASLI CECAIR (LNG)																
2.4.1 Eksport																
- Gas Asli Cecair [#]	51.4	14.1	10.9	36.5	35.6	10.1	-2.5	19.7	6.1	-2.7	-13.7	17.3	-29.9	Jabatan Perangkaan Malaysia		
3.0 SEKTOR																
3.1 PEMBUATAN																
3.1.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	14.4	14.9	15.2	10.4	4.2	4.8	3.0	1.3	4.8	4.1	-3.0	5.1	-1.6	Jabatan Perangkaan Malaysia		
3.1.2 Jualan	23.4	23.8	24.4	19.5	12.9	11.8	8.8	6.5	10.3	8.0	-2.0	3.3	-4.0	Jabatan Perangkaan Malaysia		
3.1.3 Eksport [#]	31.7	35.4	47.6	28.6	12.9	14.5	4.6	-0.2	10.1	-0.5	-15.5	1.7	-9.5	Jabatan Perangkaan Malaysia		
3.2 PEMBINAAN																
3.2.1 Pengeluaran Lesen Penaju, Permit Jualan dan Iklan Perumahan (Permit Baru)	74.2	3.6	62.2	2.4	81.0	26.3	49.3	60.3	115.3	191.5	117.2	297.3	n.a	Jabatan Perumahan Negara		
3.2.2 Pengeluaran Lesen Penaju, Permit Jualan dan Iklan Perumahan (Permit Diperbaharui)	-26.0	-75.8	-29.0	5.9	-59.8	-69.4	-60.9	-36.6	-10.0	22.1	-32.6	251.6	n.a	Jabatan Perumahan Negara		
3.2.3 Harga																
- Keluli	61.5	51.9	50.3	47.1	41.3	36.9	31.2	-13.1	-12.5	-13.5	-13.8	-14.2	-12.8	Kementerian Kerja Raya		
- Simen	6.1	4.0	4.3	3.6	2.3	0.8	2.2	2.7	4.9	8.7	11.7	17.1	15.9	Kementerian Kerja Raya		
3.3 PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN																
3.3.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian	1.3	4.4	6.1	15.7	7.6	7.0	3.9	5.9	-0.5	0.8	-4.9	2.9	-6.4	Jabatan Perangkaan Malaysia		
3.4 UTILITI																
3.4.1 Elektrik																
- Penjana Tempatan																
a. Pemasangan Awam [#]	14.6	13.1	9.8	3.3	-2.2	-0.5	-2.2	-1.7	2.3	0.4	-0.4	5.9	2.8	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas		
b. Pemasangan Swasta [#]	4.9	8.4	13.5	9.2	-1.4	4.3	3.3	1.7	-1.2	-0.4	2.2	1.1	-1.3	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas		

Nota
P avaluasi
1 data terkini sehingga Mei 2023
data Provisional berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Jun 2023
n.a. tidak tersedia
- tidak berkenaan

INDIKATOR Perubahan Peratusan Tahunan (%) - Penggunaan Tempatan	2022												2023		SUMBER DATA
	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun		
a. Perindustrian, Perniagaan dan Perlembangan ^p	27.7	23.4	17.4	8.3	2.1	2.0	0.8	0.5	5.4	3.2	-1.0	7.0	1.8	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas	
b. Kediaman dan Lampu Awam ^p	-0.5	-4.0	-2.1	-3.8	-2.6	1.1	0.1	-3.8	-1.0	3.0	6.0	10.3	7.1	Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas	
3.5 PERKHIDMATAN															
3.5.1 Perdagangan Borong & Runcit															
3.5.2 Indeks Kuantiti															
- Indeks Perdagangan Borong	10.7	10.8	7.3	3.4	0.8	0.6	1.1	0.3	3.8	6.7	3.4	5.3	4.5	Jabatan Perangkaan Malaysia	
- Indeks Perdagangan Runcit	31.3	31.6	30.1	27.1	22.3	18.3	17.4	16.2	14.1	13.8	10.0	2.4	2.6	Jabatan Perangkaan Malaysia	
- Indeks Kenderaan Bermotor	1,529.9	667.1	168.1	44.1	1.2	10.3	9.7	9.2	20.9	5.6	-9.0	18.0	3.1	Jabatan Perangkaan Malaysia	
3.5.3 Kenderaan Bermotor															
- Pengeluaran Kenderaan	22,600.4	1,903.4	388.4	52.0	-10.9	13.0	28.0	38.5	26.1	30.1	-24.0	32.7	-2.1	Persatuan Automotif Malaysia	
a. Penumpang	13,373.3	971.0	378.9	37.2	5.5	13.4	17.9	10.2	2.8	24.8	-35.5	24.8	-15.7	Persatuan Automotif Malaysia	
b. Komersial	21,597.5	1,776.1	383.9	50.9	-9.8	13.1	27.2	36.2	24.4	27.0	-24.8	32.1	-3.1	Persatuan Automotif Malaysia	
c. Jumlah	3,010.9	780.9	296.8	56.8	-6.3	6.9	19.6	27.1	43.1	7.7	-19.1	26.1	-2.8	Persatuan Automotif Malaysia	
a. Penumpang	7,848.8	149.3	181.0	27.5	-1.7	10.8	1.6	-19.9	44.8	7.8	-19.6	13.0	8.1	Persatuan Automotif Malaysia	
b. Komersial	3,212.4	590.4	280.7	52.8	-5.8	7.3	17.5	19.1	39.0	7.7	-19.1	22.0	-1.7	Persatuan Automotif Malaysia	
c. Jumlah	1,202.8	321.6	208.3	37.8	-3.3	0.4	-8.9	18.9	38.6	8.7	-24.6	9.0	-14.6	Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia	
3.5.4 Pelancongan															
- Kemasukan Pelancong ¹	14,942.2	17,250.0	13,576.8	14,670.2	12,480.4	8,938.9	5,009.0	4,921.7	4,751.5	3,739.0	293.6	131.3	n.a	Tourism Malaysia	
3.5.5 Kewangan															
I Penawaran Wang															
- M1	10.8	9.3	9.2	6.0	6.7	3.8	4.3	2.6	1.9	0.9	-1.3	-1.5	-0.6	Bank Negara Malaysia	
- M2	6.5	5.4	6.4	5.6	5.9	4.4	4.3	4.4	4.2	4.0	3.1	3.1	3.6	Bank Negara Malaysia	
- M3	6.6	5.5	6.5	5.7	6.0	4.4	4.3	4.4	4.3	4.0	3.3	3.2	3.6	Bank Negara Malaysia	
II Jumlah Pinjaman/Pembiayaan di Sistem Perbankan															
- Bank-bank Perdagangan	3.1	3.1	3.6	3.0	3.3	2.0	1.9	1.3	1.5	1.4	0.9	1.3	1.2	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Islam	10.4	10.8	12.4	12.3	12.0	11.5	11.9	10.9	11.1	10.5	10.5	10.5	9.4	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Saudagar	-5.0	-7.4	-6.7	-4.8	-1.5	-2.2	9.2	10.4	10.1	13.3	14.7	14.6	16.7	Bank Negara Malaysia	
III Jumlah Deposit Sistem Perbankan															
- Bank-bank Perdagangan	6.6	6.2	7.5	7.4	8.3	5.9	7.0	7.0	7.5	7.0	6.4	6.7	5.9	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Islam	6.8	5.6	6.0	5.7	6.4	3.8	3.7	5.1	5.7	5.3	5.4	5.4	4.6	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Saudagar	6.2	7.4	10.7	11.3	12.2	10.6	10.8	11.1	11.6	11.3	8.6	10.1	8.8	Bank Negara Malaysia	
IV Deposit Tetap, Deposit Tetap Tawarruq, Deposit Pelaburan Khusus dan Am															
- Bank-bank Perdagangan	5.7	7.0	7.7	0.7	6.7	2.9	5.1	6.2	-2.0	-3.8	3.1	-4.8	0.4	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Islam	3.0	3.5	5.0	4.9	5.0	5.2	6.5	6.1	7.2	8.9	10.0	10.2	9.5	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Saudagar	0.7	0.5	-0.2	-0.1	-1.0	-0.5	1.1	1.8	2.4	5.4	6.0	6.4	6.6	Bank Negara Malaysia	
V Deposit Tabungan															
- Bank-bank Perdagangan	6.6	8.0	13.2	12.9	14.3	14.0	14.3	12.6	14.8	14.5	15.9	16.1	13.6	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Saudagar	-0.3	0.2	-4.2	-7.9	-6.6	-7.1	-3.0	-2.5	-9.6	-10.6	4.3	0.2	5.4	Bank Negara Malaysia	
VI Kadar Berian Pinjaman/Pembayaran Purata															
- Bank-bank Perdagangan	5.3	2.5	0.6	-1.8	-2.2	-3.6	-5.7	-6.2	-5.6	-7.7	-15.3	-10.5	-8.0	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Islam	1.3	-0.7	-0.7	-2.8	-3.4	-5.0	-7.2	-7.9	-7.7	-8.2	-14.6	-11.3	-9.1	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Saudagar	9.3	5.3	3.8	0.6	0.6	-0.3	-2.4	-2.2	-0.7	-0.0	-16.9	-8.8	-5.5	Bank Negara Malaysia	
VII Kadar Berian Pinjaman/Pembayaran Purata															
- Bank-bank Perdagangan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Islam	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Bank Negara Malaysia	
- Bank-bank Saudagar	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Bank Negara Malaysia	
VIII Kadar Berian Pinjaman Asas Bank Perdagangan															
- Kadar Pembiayaan Asas Perbankan Islam	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	Bank Negara Malaysia	

Nota

^p awalan

¹ data terkini sehingga Mei 2023

[#] data Provisional berdasarkan Penerimaan Perdagangan Luar Negeri Jun 2023

n.a. tidak tersedia

- tidak berkenaan

INDIKATOR (Nisbah)	UNIT	2022												SUMBER DATA		
		Jun	Jul	Ogos	Sep	Oktober	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei		Jun	
X Kadar Faedah Deposit Tabungan	%	0.63	0.69	0.70	0.77	0.77	0.85	0.85	0.85	0.85	0.85	0.87	0.87	0.93	0.94	Bank Negara Malaysia
- Bank-bank Perdagangan	%	0.33	0.34	0.38	0.38	0.38	0.39	0.39	0.39	0.39	0.40	0.40	0.40	0.39	0.41	Bank Negara Malaysia
XI Pinjaman/Pembayaran yang Dikeluarkan Mengikut Sektor	RM Juta	5,627.8	401.1	1,180.7	926.0	1,005.2	626.9	581.7	251.6	521.1	376.7	316.5	677.8	475.8	Bank Negara Malaysia	
- Perumahan, Perhutanan dan Perikanan	RM Juta	341.9	38.7	823.0	134.8	400.2	252.0	515.1	236.6	610.8	404.1	282.0	479.9	551.5	Bank Negara Malaysia	
- Perombongan & Pengangkutan	RM Juta	6,599.9	4,629.0	8,889.2	5,961.9	7,021.6	2,766.3	3,681.1	4,656.8	6,140.8	5,040.0	3,405.7	6,147.6	3,422.8	Bank Negara Malaysia	
- Perkhidmatan	RM Juta	16,739.3	13,300.4	25,096.5	10,973.6	19,517.7	22,711.7	12,089.5	10,340.6	13,368.6	17,260.5	15,330.6	20,412.3	15,530.6	Bank Negara Malaysia	
- Pembinaan	RM Juta	4,013.1	11,136.4	6,273.9	10,077.1	3,465.8	3,431.8	2,489.3	2,286.5	3,019.9	6,483.3	1,906.7	4,078.4	3,453.2	Bank Negara Malaysia	
- Aktiviti Hartanah	RM Juta	2,919.6	2,475.1	3,865.9	3,996.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	3,966.9	Bank Negara Malaysia	
- Sektor Isuamah	RM Juta	33,083.4	31,675.0	33,313.5	28,924.1	26,981.0	25,963.3	25,202.7	23,145.2	27,954.5	35,945.1	28,711.5	34,372.7	30,706.4	Bank Negara Malaysia	
- Sektor Lain	RM Juta	51.3	158.4	20.5	170.7	30.7	172.9	10.4	19.3	20.2	119.0	19.3	35.9	35.9	Bank Negara Malaysia	
- Jumlah	RM Juta	69,376.3	64,816.6	79,463.5	68,115.1	63,610.8	59,338.0	48,357.6	42,393.2	54,192.9	66,490.1	52,978.9	70,129.5	59,129.2	Bank Negara Malaysia	
XII Pinjaman/Pembayaran yang Dikeluarkan Mengikut Sektor	RM Juta	6,969.8	4,959.0	7,265.6	4,336.9	4,169.1	4,377.3	4,879.7	4,667.2	4,607.4	5,027.7	3,705.4	4,944.8	4,915.3	Bank Negara Malaysia	
- Perumahan, Perhutanan dan Perikanan	RM Juta	826.0	1,355.6	636.4	944.1	635.0	670.3	664.3	575.9	633.6	666.9	535.3	1,067.3	1,154.0	Bank Negara Malaysia	
- Perombongan & Pengangkutan	RM Juta	46,128.5	40,002.0	41,067.9	40,612.2	39,814.1	39,923.7	40,508.8	35,337.2	34,458.1	40,668.7	33,648.6	35,800.4	36,595.9	Bank Negara Malaysia	
- Perkhidmatan	RM Juta	92,623.6	86,653.4	91,362.9	99,674.8	96,764.8	96,845.8	112,416.2	98,410.9	90,000.7	102,246.5	94,005.9	95,920.6	96,871.7	Bank Negara Malaysia	
- Pembinaan	RM Juta	13,864.3	11,261.1	12,301.7	13,640.5	12,391.5	15,780.0	15,780.0	14,500.1	12,795.0	14,509.1	12,795.0	13,967.3	16,068.9	Bank Negara Malaysia	
- Aktiviti Hartanah	RM Juta	5,588.8	5,462.9	4,833.0	4,695.6	7,915.4	5,379.7	7,513.6	5,490.7	4,958.5	6,521.7	4,008.1	7,177.2	7,177.2	Bank Negara Malaysia	
- Sektor Isuamah	RM Juta	35,776.9	34,363.2	36,767.4	37,846.3	36,452.7	37,234.1	39,713.0	38,596.9	35,272.5	41,291.4	35,322.6	38,895.9	38,895.9	Bank Negara Malaysia	
- Sektor Lain	RM Juta	1,791.5	3,052.7	2,725.0	2,158.1	2,217.4	2,493.9	2,674.0	1,624.8	2,016.3	2,390.6	1,865.7	2,184.6	2,395.6	Bank Negara Malaysia	
- Jumlah	RM Juta	203,559.4	187,103.7	196,360.2	203,906.6	200,359.9	199,555.7	224,149.6	198,481.8	183,453.6	213,338.7	186,692.7	197,726.0	204,074.4	Bank Negara Malaysia	
XIII Pinjaman/Pembayaran yang Dikeluarkan Mengikut Tujuan	RM Juta	5,295.4	4,673.4	5,226.6	5,271.7	4,771.6	4,925.4	5,100.4	5,264.8	4,567.9	6,086.5	5,254.0	5,236.0	5,435.9	Bank Negara Malaysia	
- Pembelian Keresia Penumpang	RM Juta	4,202.1	3,870.4	3,971.0	4,130.5	3,868.1	3,868.1	4,021.7	3,778.0	3,997.3	4,598.3	3,969.7	4,613.0	4,257.4	Bank Negara Malaysia	
- Kad Kredit	RM Juta	15,890.7	16,296.8	16,766.2	17,420.4	17,880.0	17,771.9	20,021.3	19,401.5	17,201.7	19,253.4	18,066.0	18,877.2	18,469.1	Bank Negara Malaysia	
- Pembelian Barangan Pengguna	RM Juta	10.8	9.2	13.8	11.3	14.4	12.5	12.8	11.0	13.5	17.0	15.3	15.9	19.4	Bank Negara Malaysia	
- Sektor Isuamah	RM Juta	35,776.9	34,363.2	36,767.4	37,846.3	36,452.7	37,234.1	39,713.0	38,596.9	35,272.5	41,291.4	35,322.6	38,895.9	38,895.9	Bank Negara Malaysia	
XIV Pinjaman/Tertanggung Sektor Pembinaan	RM Juta	101,516.1	101,300.0	101,975.1	101,854.0	102,566.7	102,716.3	103,720.5	103,429.4	102,911.4	103,436.5	101,441.0	102,423.8	101,517.7	Bank Negara Malaysia	
XV Pinjaman/Pembayaran Terjangka Mengikut Sektor	RM Juta	1,482.0	1,498.3	1,512.6	1,444.9	1,478.4	1,424.6	1,411.1	1,376.0	1,448.7	1,436.3	1,455.3	1,503.0	677.5	Bank Negara Malaysia	
